


**Jilid I
Bil. 11**



**Hari Juma'at
12hb Mach, 1971**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 965]

USUL²:

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat
[Ruangan 1014]**

**Uchapan Terima Kasch kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong [Ruangan 1014]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Juma'at, 12hb Mach, 1971

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh, Yang Berbahagia TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Pengangkutan, DATO' ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Muda Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

Yang Berhormat Menteri Muda Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- „ Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Muda Buroh, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Menteri Muda Pertahanan, Y.M. TENGGU AHMAD RITHAUDEEN BIN TENGGU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, J.M.N., J.M.K., S.M.K (Tumpat).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.J.K. (Hilir Perak).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (LIMBANG-LAWAS).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).

Yang Berhormat DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ DATO' MOHAMED SAID BIN KERUAK (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).
- „ DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, J.M.N., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
 „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
 „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
 „ TUAN SOH AH TECK (Batu Pahat).
 „ TUAN SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).
 „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
 „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
 „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
 „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
 „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
 „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
 „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
 „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
 „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
 „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
 „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
 „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
 „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
 „ TUAN V. VEERAPPAN (Seberang Selatan).
 „ DATO' JAMES WONG KIM MIN (Miri-Subis).
 „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
 „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
 „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

YANG TIDAK HADHIR:

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
 Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,
 S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL
 RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
 „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N.
 (Kuala Kedah).
 „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
 „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG (Labuk-Sugut).
 „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
 „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
 „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
 „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

- Yang Berhormat TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- Yang Berhormat TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
Dato' Sri Paduka Raja (Kota Bharu Hulu).
- Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K.,
K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DR SINNATHAMBY SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DR ARJUNAN SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas
Hulu).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, Yang Berbahagia TAN SRI ABDUL KADIR BIN
YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Dengan Tugas² Khas dan Penerangan, Yang Berbahagia
TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K.
(Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

MENGIBARKAN BENDERA— KEBENARAN

1. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri ada-kah Kerajaan akan membantah terhadap Ketua² Parti Pembangkang, Ahli² Parlimen dan Badan Perundangan Negara mengibarkan bendera parti masing² atas kereta masing².

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada undang² yang melarang Ahli² Parlimen mengibarkan bendera pada keretanya, tetapi pada kebiasaan-nya hanya-lah Menteri² sahaja yang berbuat demikian.

Dato' K. M. James Wong: Sir, supplementary question. Can the Honourable Prime Minister tell us whether there is any limit to the size of the flags they can fly?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, I have not seen any law that has a limit.

MENTERI HAL EHWAL SARAWAK— TUGAS² DAN KEWAJIPAN²

2. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Perdana Menteri menyatakan kewajipan² dan tugas² Menteri Hal Ehwal Sarawak.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Menteri Hal Ehwal Sarawak ada-lah bertugas dan bertanggung-jawab berkenaan dengan hal² perkara yang berkaitan dengan Sarawak dan menyuarakan perkara² itu dalam Jema'ah Menteri serta memberi nasihat kepada Jema'ah Menteri berkenaan dengan hal² berkaitan dengan Sarawak.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, is the Federal Office under the Federal Secretary in Sarawak directly working under and responsible to the Federal Minister for Sarawak Affairs?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, there is no such appointment as Federal Secretary now. That has been abolished. There is only an appointment of Permanent Secretary to the Ministry of Sarawak Affairs.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, can the Honourable the Prime Minister say then whether the Federal Minister of Sarawak Affairs is responsible to the Honourable Prime Minister or to the Chief Minister of Sarawak?

Perdana Menteri: Mr Speaker, Sir, he is a Member of the Federal Cabinet. Naturally, he is responsible to the Cabinet and responsible to me as Prime Minister.

Dato' K. M. James Wong: Another supplementary question, Sir. Since the Honourable Prime Minister has said that the Federal Minister for Sarawak Affairs is responsible for Federal matters in Sarawak, would it be correct for us to say that any complaints in connection with Federal matters in Sarawak could be brought directly to the Federal Minister for Sarawak Affairs for his immediate attention?

Perdana Menteri: Yes, Sir.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah pernah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi tahu kepada Ahli Yang Berhormat itu tugas² Menteri Hal

Ehwal Sarawak pada masa beliau menjadi Penolong Ketua Menteri Sarawak dahulu?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu sudah tahu dan dia sahaja hendak tanya sahaja.

Dato' K. M. James Wong: Mr Speaker, Sir, may I make an explanation here? With respect, we do not know and most people in Sarawak do not know; that is why we asked this question.

3. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah Kerajaan sekarang berchadang untuk menjadikan Negara ini betul² neutral tidak menyebelahi apa² kuasa atau blok saperti yang di-buat oleh Switzerland, jika ya, apa-kah mustahaknya Kerajaan mengadakan Peratoran Pertahanan dengan Singapura, New Zealand, Australia dan Great Britain.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada-lah menjadi tujuan Kerajaan sekarang ini untuk menjalankan terutama sekali dasar non-aligned dan juga dasar hendak menjadikan Tenggara Asia ini kawasan berkechualian dan juga menggalakkan perhubungan baik dengan semua negara² tidak hiraukan apa juga chorak atau pun sistem pentadbiran negara itu asalkan negara² itu menghormati kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia dan tidak berchampur tangan dalam hal ehwal dalam negeri Malaysia. Salagi chita² kita hendak menjadikan Tenggara Asia ini sa-bagai rantau yang aman tenteram belum terchapa², Malaysia terpaksa-lah mengambil langkah² yang di-fikirkan mustahak untuk menjamin kepentingan negara kita. Dengan sebab itu, Peratoran Pertahanan Lima Negara ia-lah satu peratoran yang di-fikirkan boleh menolong Malaysia untuk menentang pencherobohan dari luar, jika ada pencherobohan itu pada bila² masa dan dasar ini atau pun peratoran ini tidak-lah berlawanan dengan dasar non-aligned kita atau hasrat kita hendak menjadikan wilayah Tenggara Asia ini wilayah berkechualian.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-kiranya Hong Kong tanah jajahan Inggeris dilanggar oleh sa-suatu kuasa, ada-kah Peratoran Pertahanan Lima Negara ini yang Malaysia termasuk menolong Great Britain?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Peratoran Pertahanan Lima Negara yang

akan di-tandatangani tidak berapa lama lagi hanya-lah mengandungi persetujuan untuk berunding. Jika Malaysia atau pun Singapura di-cheroboh oleh mana² pihak dari luar, dan tidak-lah termasuk hal², perkara² yang lain, dan tidak mengikat kita dalam apa perkara sa-kali pun.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan menyedari bahawa Peratoran ini, keluarga Lima Negara yang di-sebutkan tadi di-antara-nya Britain, Australia dan New Zealand negeri² ini bekerjasama dengan dasar Pertahanan Amerika. Bahkan keutuhan Pertahanan Tiga² negara ini bergantung kepada Amerika, dengan kita masuk dalam Perjanjian Pertahanan ini tidak-kah dasar pertahanan kita sekarang sudah masuk dalam blok Amerika?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi dasar pertahanan kita ini tidak berma'ana yang kita masuk mana² blok dasar atau pun Peratoran Pertahanan Lima Negara ini. Saperti saya katakan tadi ia-lah sa-mata² membolehkan kita berunding dengan empat negara yang lain untuk mengambil apa² juga langkah bagi mempertahankan kedaulatan negara kita.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Kenapa-kah Peratoran Pertahanan Lima Negara ini di-adakan dengan negara² saperti Australia dan New Zealand. Tidak-kah Indonesia di-ajak turut sama dalam Perjanjian ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, inilah negara² yang bersetuju pada masa ini hendak bekerjasama dengan kita dalam lapangan pertahanan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apa-kah kita Malaysia yang bersama dengan negara² itu mengajak atau pun mempelawa Indonesia untuk turut sama dengan Peratoran Pertahanan ini?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir belum sampai masa lagi bagi Indonesia hendak champor dalam hal ini dan Indonesia sendiri saya tahu telah terangkan yang mereka itu tidak hendak champor tangan dalam mana² Perjanjian Pertahanan di-wilayah ini pada masa ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar atau boleh

memikirkan bahawa di-antara sebab²-nya keengganan Soviet Russia dan Peking mengiktiraf dasar pengecualian Malaysia ini dengan sebab ada-nya Perjanjian Pertahanan Lima Negara ini. Dan kira-nya ini syarat yang di-sogokkan kepada negara kita, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengkaji balek dasar pertahanan yang ada pada masa sekarang?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah terangkan tadi Peratoran Pertahanan ini tidak menyentoh kedudukan kita sa-bagai negara yang tidak berkechuali. Inilah di-fahamkan oleh semua negara, dengan sebab itu kita di-terima sa-bagai satu ahli negara² yang tidak berkechuali, dan saya fikir semua negara termasuk Soviet Russia mengetahui bahawa Peratoran Pertahanan ini tidak melibatkan kita masuk mana² blok.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, apa-kah kita yakin bahawa sunggoh-nya negara² yang membuat Peratoran Pertahanan dengan kita ini akan benar² menolong kita kira-nya kita berada dalam kechemasan dengan sebab serangan musuh dari luar, sebab negara² yang membuat peratoran itu sa-tengah-nya ada-lah negara² yang di-anggap musuh dengan kita saperti Britain yang pada masa dahulu ada-lah menjajah kita, yang sekarang kita menjadikan ia-nya kawan dengan kita pula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, negara² ini telah mengaku yang mereka itu akan menolong kita jika kita di-serang oleh mana² pihak dari luar. Jadi, dalam Perjanjian Pertahanan dengan negara² asing kita tentu-lah terpaksa menerima apa juga perjanjian atau perchakapan yang di-perbuat oleh negara itu. Sama ada mereka itu benar² akan tolong kita atau tidak pada masa yang di-kehendaki itu kita tidak boleh hendak jamin pada masa ini, tetapi kita perchaya bahawa pada masa yang lampau mereka itu telah memberi pertolongan kepada kita. Dan saya perchaya pada masa akan datang pun mereka itu akan memberi pertolongan kepada kita, jika kita berkehendakkan pertolongan-nya.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sa-kali lagi soalan tambahan. Apa-kah tugas Britain dalam Perjanjian ini? Yang kita dengar kadang² di-sidang² akhbar kita melihat bahawa Britain hanya berlagak sa-bagai guru kepada

negara² ini dengan konon-nya memberi sedikit bantuan, dan kata-nya dia akan mengajar bagini, bagini. Apa-kah Britain ini hanya sa-benar²-nya menjadi sa-bagai guru dalam Peratoran Pertahanan ini atau bagaimana?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Britain telah terangkan bahawa dalam Peratoran Pertahanan ini Britain hanya menjadi sa-orang ahli sahaja, sa-orang anggota, dan Britain tidak akan mengambil bahagian yang utama, bahkan dalam peratoran ini mustahak-lah Singapura dan Malaysia mengambil bahagian yang utama.

Tuan T. S. Gabriel: Mr Speaker, Sir, I would like to ask the Honourable the Prime Minister

Tuan Yang di-Pertua: Chakap Bahasa Kebangsaan.

Tuan T. S. Gabriel: (*Dengan izin*) Did the big powers support the Prime Minister's call for neutralisation of South-East Asia as, we know, neutralisation depends very much on the big powers in South East Asia? Did the big powers support his call for South East Asia's neutralisation?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga hari ini kita belum lagi dapat mengetahui daripada Kuasa² Besar atas hal ini.

SUBERSIF DI-SEKOLAH² CHINA— PENYUSUPAN

4. Tuan Haji Ahmad Arshad bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah betul penyusupan subersif berlaku di-sekolah² China dan ada-kah guru² sama menyertai perbuatan ini, dan apa-kah langkah yang sedang di-atorkan untuk menghapuskan-nya.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah betul penyusupan subersif berlaku di-sekolah² China, tetapi mujor-nya hanya-lah sa-bilangan kecil sahaja sekolah² China di-pekan² besar di-Malaysia Barat telah di-susup oleh anasir² subersif. Ada juga beberapa guru terlibat dalam hal ini. Pihak yang berkuasa sentiasa mengambil tindakan bagi menghapuskan-nya perkara subersif dalam sekolah² ini.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini kira-nya subersif ini yang datang ka-sekolah² ini sengaja di-datangkan oleh parti² Pembangkang, umpama-nya saperti D.A.P., P.P.P., Parti S.N.A.P., ada-kah pihak Kerajaan juga akan mengambil tindakan kapada parti² yang mengajorkan subersif di-sekolah ini?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa tidak mengira parti, chuma orang² yang pro-kominis atau pun orang yang hendak mengsubersifkan penuntut² sahaja akan di-ambil tindakan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah penyusupan subersif ka-sekolah² China ini di-sebabkan oleh kerana di-sekolah² China, guru² sekolah China hanya terdiri daripada guru² China sahaja, kechuali dalam beberapa perkara tertentu saperti bahasa Melayu, apa-kah ini yang menjadi sebab-nya?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, itu tidak terbabit dengan soalan yang ada sekarang.

Tuan Hashim bin Gera: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan sedar bahawa subersif ini bukan-nya di-sekolah China sahaja malahan ada di-sekolah Inggeris. Apakala sa-minggu sa-kali di-nyanyikan Lagu Kebangsaan di-dalam Dewan Sekolah itu ada di-antara murid² Tingkatan V dan VI mengejek² di-belakang, ada-kah Kerajaan bertindak kapada sekolah Inggeris yang samacham itu?

Tuan Mohamed bin Yaacob: Kalau ada sa-bagitu, Tuan Yang di-Pertua, minta Ahli Yang Berhormat mema'alumkan atau memberi ma'alumat ini kapada pihak yang berkuasa, ia-itu Polis.

Tuan Hashim bin Gera: Saya akan beri (*Ketawa*).

BEKAS PASOKAN KESELAMATAN— RANCHANGAN KERAJAAN

5. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kapada Menteri Buroh ada-kah beliau sedar beribu² orang bekas Pasokan Keselamatan tidak mempunyai apa² pekerjaan, apa-kah ranchangan yang berkesan akan di-buat oleh Kerajaan.

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar terhadap jumlah besar Bekas Pasokan Keselamatan yang tidak mempunyai pekerjaan. Keutamaan pekerjaan ada-lah di-berikan kepada Bekas² Pasokan Keselamatan dalam pekerjaan perkhidmatan awam di-samping memberikan keutamaan pekerjaan itu 20 peratus daripada Ranchangan Tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah di-khaskan untuk bekas² ahli keselamatan dan peratus ini tidak di-penohi oleh bekas² ahli keselamatan. Had umur bagi pemohon² Ranchangan Tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah yang berumur 35 tahun. Walau bagaimana pun kepada bekas² ahli keselamatan had umur ini telah di-kendorkan ka-umur 40 tahun. Kementerian Pertahanan telah juga menubuhkan bahagian veteran untuk menguruskan hal² kebajikan Bekas² Pasokan Keselamatan.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Berapa ramai-kah Bekas² Pasokan Keselamatan ini telah di-beri pekerjaan diperusahaan² suwasta atau kilang² persendirian?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak notis atas soalan itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Apakah

Tuan Yang di-Pertua: Bukan dia tidak dengar, dia hendak notis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ini soalan yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Apakah Bekas Pasokan Keselamatan ini di-beri keistimewaan untuk mendapat pekerjaan melalui Kementerian Buroh supaya mereka dapat memberi atau pun memperolehi permit² teksi dengan chara keistimewaan bagaimana yang telah di-beri kepada orang² yang tertentu, yang sa-chara demikian itu?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, tanggung-jawab memberi lesen² teksi ia-lah daripada Kementerian Pengangkutan dan bukan dari Kementerian Buroh.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya demikian, saya minta Menteri yang berkenaan memberi keterangan berhubung dengan hal itu.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Menteri

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana hendak di-libatkan semua sa-kali dalam satu soalan (*Ketawa*).

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri tadi dalam usaha hendak menolong Bekas² Pasokan Keselamatan ini 20 peratus di-untukkan memasoki ka-dalam Ranchangan Kemajuan Tanah dan ini tidak di-penohi. Saya ingin berkata kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ada-kah Menteri sedar bahawa Bekas² Pasokan Keselamatan pada keadaan umur yang lebeh tidak begitu seronok hendak menyertai ranchangan tanah ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, macham mana saya kata tadi, sunggoh pun umur masok ranchangan tanah ia-lah 35 tahun, kita kendorkan sampai 40 tahun, tetapi jikalau orang tidak suka hendak pergi, apa boleh buat.

LAMPU² ISHARAT—MEMATOHI

6. Tuan Edmund Langgu anak Saga bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah sa-saorang Ketua Menteri atau Menteri Besar di-kehendaki juga mematohi lampu² isharat dalam kehidupan-nya menggunakan jalan² raya.

Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, jika soalan ini di-maksudkan di-Malaysia Barat, jawapannya, ya. Dan jika ini di-maksudkan bagi Malaysia Timor, saya suka meminta Ahli Yang Berhormat itu supaya mengemukakan perkara ini kepada Kerajaan Negeri itu sendiri oleh kerana perkara ini ada-lah di-bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Dato' K. M. James Wong: I am asking, Sir, this Supplementary question, since road safety and public roads

Tuan Yang di-Pertua: Chakap Melayu!

Dato' K. M. James Wong: Pardon.

Tuan Yang di-Pertua: Chakap Bahasa Kebangsaan!

Dato' K. M. James Wong: Supplementary question, Sir.

Tuan Yang di-Pertua: Oh, I beg your pardon.

Dato' K. M. James Wong: I am from Sarawak, Sir, (*Ketawa*).

The question has been posed by the Honourable Member for Saratok because we want to find out whether or not East Malaysia comes under the same traffic laws as in West Malaysia or are they different.

Dato' Abdul Ghani Gilong: Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Dato' K. M. James Wong: Are the Chief Ministers of Sarawak and Sabah not required to comply with the traffic laws of the country and to observe the Road Safety Council's objectives and rulings?

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): I shall reply to that. (*Dengan izin*) Perhaps, the Honourable Member is not aware that, if there is a Police Officer accompanying any Chief Minister, especially in Sarawak, knowing the danger, especially at traffic lights where at any moment one may be getting a bomb or a shot although it is red light, but if there is a Police Officer or a Police traffic in front, it is perfectly legal for the Police to stop other traffic, straightaway to go against the traffic light. But if the Chief Minister alone is driving a small Baby Austin going against all the traffic lights, that is definitely against the law. I hope that is clear. As far as I am aware, I think the question is that the Chief Minister has been going against traffic lights with a Police escort in front and the Police did give the signal, as has been done in big towns. That is perfectly legal and within the Police regulations.

Dato' K. M. James Wong: If I understand the Honourable Attorney General's explanation, I presume that if a Traffic Officer goes before the Chief Minister's car and the Traffic Officer stops at the road block and puts up his hand and stops the cars coming, then it is perfectly legal. Is it correct?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf: I hope the Honourable Member will go and take the trouble to read the regulations and instructions of the Police, then he will understand

them. If there is a Police escort in front, you go straight on. There is no need for the people to stop there. He just puts his hand round and let the people go—it is clear if there is a Police officer in front or a Traffic police officer in front. Are you suggesting that the Chief Minister is alone driving in a small car going about against the traffic laws?

Dato' K. M. James Wong: May I explain here? I have received complaints that there were several near accidents where the Honourable Chief Minister—I am not against the Honourable Chief Minister and you see it is a public road with a lot of traffic in front—but there have been complaints that there had been cases where the Chief Minister was going along a road—suddenly the lights turned red—against the traffic light, with the Police in front and went straight against the cars coming along the road without any notice at all.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf: Had there been any accident so far and a report made to the Police?

Dato' K. M. James Wong: No.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf: Then that does not arise at all. It is all in your imagination.

Tuan Yang di-Pertua: Sorry, I must stop the dialogue between the two Members (*Ketawa*).

BELIA² PELUPOR DAN PEMBENA NEGARA—LATEHAN

7. Raja Nong Chik bin Raja Ishak bertanya kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada-kah Kerajaan sedar ia-itu belia² yang telah di-lateh (Pelupor dan Pembena Negara) maseh lagi tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan dan apa-kah tindakan yang berkesan akan di-buat oleh Kerajaan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar sa-bilangan kechil daripada belia² yang telah lulus daripada Pusat Latehan Belia Dusun Tua yang maseh lagi belum di-beri pekerjaan. Kedudukan yang sa-benar-nya ia-lah yang tidak mempunyai pekerjaan ada-lah sama menunggu di-panggil untuk di-temuduga atau pun menunggu akan keputusan temuduga² yang di-adakan untuk mereka.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar tuduhan sa-tengah² pehak mengatakan tanggung-jawab memberi pekerjaan kepada belia² yang mendapat latehan di-Pusat Pembena Negara ini ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada pehak mana yang memilih orang² yang menghantar pelateh² di-Dusun Tua. Ada peratoran dalam mana sa-tengah² negeri memilih pelateh² untuk di-hantar berlateh di-Dusun Tua dan kalau keadaan sa-macam itu tanggung-jawab-nya terpulang-lah kepada Kerajaan negeri memberi pekerjaan² kepada pelateh² yang telah di-pilih untuk berlateh di-Dusun Tua.

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sa-kiranya Kerajaan Negeri tidak berupaya hendak memberi pekerjaan kepada belia² itu, bolehkah di-minta bantuan kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengatasi-nya?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak berbangkit kerana Kerajaan Negeri chuma menghantar bilangan pelateh² yang ada sedia pekerjaan bagi-nya apabila dia di-hantar berlateh di-Dusun Tua, berma'ana sa-lepas dia berlateh ada pekerjaan menunggu di-negeri. Tinggal lagi kalau tidak ada juga pekerjaan yang boleh di-bagi oleh Kerajaan Negeri, Kerajaan Persekutuan akan menimbangkan juga mencharikan pekerjaan bagi-nya.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: (*Bangun*).

Tuan Hussein bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Berapa orang menyual soalan tambahan? (*Ketawa*). Satu di-sana yang asal menyual.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila menjawab tadi mengatakan di-beri latehan, apa latehan yang di-beri?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh jawab, tetapi rasa saya soalan ini tidak timbul, tidak terlibat dengan soalan yang asal.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kita mengatakan bahawa ada sa-bilangan, sedikit sahaja yang tidak boleh mendapat pekerjaan lagi. Saya ingin tahu perkataan sedikit sahaja itu berapa orang, berapa orang yang telah dilateh, berapa orang yang telah di-beri pekerjaan dan berapa orang yang maseh belum dapat kerja. Jadi sedikit ini umum sangat. Itu saya harap Menteri yang berkenaan memberi penjelasan.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya jawab sedikit itu kerana dalam soalan asal perkataan yang digunakan perkataan besar, banyak. Jadi saya jawab kechil. Tetapi kalau hendak tahu bilangan-nya saya boleh memberi tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Bilangan yang maseh tidak dapat pekerjaan ada-lah 807 orang, saya panggil saya katakan kechil, kerana 807 di-bandingkan dengan bilangan yang telah lulus atau pun yang telah dapat pekerjaan ada-lah jauh bedza-nya.

Yang telah mendapat pekerjaan ia-lah 6,171 orang yang tidak bekerja 807 dan 807 itu pun memang ada-lah menunggu panggilan untuk di-temuduga.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah daripada yang 807 ini terdiri daripada pemuda² dari Pantai Timor?

Tuan Yang di-Pertua: Ulang balek, saya tidak dengar.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah dari jumlah 807 yang tidak dapat pekerjaan ini sa-tengah²-nya atau sa-bilangan besar-nya terdiri daripada belia² dari Pantai Timor?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya hendakkan notis, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Antara yang telah di-beri pekerjaan dan yang dilateh itu termasuk-lah belia daripada golongan wanita?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak mengetahui, tidak ada lagi latehan untuk wanita di-Dusun Tua.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kerajaan sedar bahawa belia² lepasan Pusat itu bila mana tidak dapat pekerjaan mereka berpeket di-Pejabat Kerajaan Negeri menuntut supaya mereka di-beri pekerjaan atas dasar memasuki Pusat Latehan itu, apa-kah langkah yang di-ambil oleh pihak Kementerian tersebut?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang dengar soalan yang mula² tadi, saya minta

Tuan Yang di-Pertua: Chuba ulang balek.

Tuan Ramli bin Omar: Ada-kah Kerajaan sedar bahawa belia yang lepasan latehan Pusat itu bila mana tidak dapat pekerjaan mereka berpeket di-Pejabat Kerajaan Negeri menuntut supaya di-beri pekerjaan atas dasar memasuki Pusat Latehan itu. Apa-kah tindakan oleh pihak Kementerian di-atas hal yang tersebut?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Saya tidak mendengar ada berlaku perkara sa-macam ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada sa-buah Kerajaan Negeri yang ada belia telah berpeket dihadapan Pejabat Kerajaan menuntut supaya mereka itu membolehkan mendapat pekerjaan sa-lepas latehan, boleh di-buktikan.

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mendengar ada perkara ini berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak mendengar kata dia, kalau ada pun dia tidak mendengar.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan ada-nya beberapa kebuntuan dan kelemahan dalam Pusat ini ada-kah Kementerian ini berchadang hendak menutup Pusat ini atau hendak mengkaji balek supaya di-susun sa-mula?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa dengar soalan ini (*Ketawa*).

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya beberapa kebuntuan dan kelemahan di-dalam kedua² Pusat ini, ada-kah Kerajaan berchadang hendak

menutup sahaja Pusat ini atau hendak mengkaji balek supaya di-susun kapada yang lebeh baik lagi?

Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tidak ada kebuntuan apa² (*Ketawa*). Sebab mengikut pendapat saya banyak faedah yang telah kita perolehi daripada Pusat Latehan ini, kalau sa-kira-nya ada kebuntuan, kalau tidak berjalan dengan lichen-nya saya yang mula² boleh memberi chadangan kapada Kerajaan supaya di-tutup dengan segera.

PROJEK ZAT MAKANAN UNTUK MURID² SEKOLAH—RANCHANGAN PERINTIS

8. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kapada Menteri Pelajaran sa-takat mana-kah kemajuan yang telah di-chapai dalam ranchangan perintis Kementerian Pelajaran melateh guru² mengendalikan projek zat makanan untuk murid² sekolah. Ranchangan ini dapat bantuan dari badan mana, dan Kementerian mana-kah di-kehendaki memberikan kerjasama.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran dengan sendiri-nya tidak ada mempunyai ranchangan perintis melateh guru² mengendalikan perojek zat makanan untuk murid² sekolah, tetapi Kementerian Pelajaran ada mengambil bahagian bersama² dengan Kementerian² Kesihatan, Pertanian dan Tanah dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam satu kajian perintis mengenai zat makanan di-bawah kelolaan Jawatankuasa Porojek Zat Makanan Peringkat Kebangsaan, ia-itu Applied Nutrition Project National Committee di-kawasan perintis di-Telok Datok.

Satu ranchangan dalam perojek perintis ini ada-lah di-biaya² oleh Pertubohan Bantuan Kanak² Bangsa² Bersatu (UNICEF) ia-itu sa-buah badan pertubohan Bangsa² Bersatu.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dengan baik-nya perojek perintis ini, ada-kah Kementerian Pelajaran akan membuat beberapa tempat lagi yang sa-umpama ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, macham mana saya terangkan tadi Kementerian Pelajaran tidak berbuat perojek

sendirian, dia ada bersama² dengan Kementerian yang saya sebutkan tadi mengambil bahagian dalam perojek itu. Tetapi bagi Kementerian Pelajaran sudah memulakan pelatohan guru² kerana pelajaran pendidekan kesihatan dan zat makanan dan ranchangan telah di-kemaskan kerana melatoh semua guru² sekolah rendah di-dalam pendidekan kesihatan dan zat makanan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ranchangan ini ada-kah memberi faedah atau menafa'at kepada Kementerian Pelajaran?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagaimana saya katakan tadi.

DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN BERCHANGGAH DENGAN PENGAJIAN TINGGI SWASTA

9. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran sa-lama ini, ada-kah Kementerian sedar bahawa pengajian tinggi Swasta dalam negeri ini sentiasa berchanggaah dengan dasar pelajaran kebangsaan, kalau sedar, apa-kah langkah yang sedang di-buat dan akan di-buat.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak, saya tidak sedar.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Pelajaran bersetuju dengan saya jika saya katakan bahawa dalam melaksanakan dasar pelajaran sekarang ini telah terkeluar sedikit daripada tujuan asal-nya terutama mengenai hasrat Kerajaan hendak menjadikan Kolej Islam sa-buah Pusat Pengajian Tinggi Islam bukan-nya sa-bagai Fakulti Pengajian Islam dalam Universiti Kebangsaan seperti yang ada sekarang ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya soalan tambahan itu tidak berbangkit sebab tidak kena-mengena dengan soalan yang asal itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, bagaimanakah syarat² yang di-kenakan oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk pihak kalangan bersendirian mengadakan kelas² atau pun tempat pengajian² tinggi di-negeri ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, tidak bersangkut paut dengan soalan yang asal itu.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, ada-kah Kementerian Pelajaran bermaksud akan menyamakan sistem² pelajaran antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor? Jika ia, bila, jika tidak, kenapa?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu tidak ada kena mengena dengan soalan yang asal itu.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Dato' Yang di-Pertua, sa-kali lagi saya menuntut penjelasan daripada pihak Menteri yang berkenaan. Jadi, perkataan tidak ada kena-mengena ini, saya rasa perkara yang paling senang sa-kali.

Tuan Yang di-Pertua: Saya bersetuju sebab itu saya diam.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di-Pertua, saya meminta sa-kali lagi, boleh-kah Menteri yang berkenaan

Tuan Yang di-Pertua: Hendak chuba lagi sa-kali?

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Ya. (*Ketawa*).

DARJAH² PERALEHAN (REMOVE CLASS) DALAM BAHASA INGERIS

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar Kerajaan telah mengadakan darjah² Peralehan (Remove Class) dalam Bahasa Inggeris mulai tahun 1971, jikalau benar:

- (a) Apa-kah tujuan Kerajaan mengadakan-nya;
- (b) Berapa-kah jumlah penuntut darjah Peralehan ini di-Negeri² Malaysia Barat mengikut bangsa.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawab-nya ia-lah tidak benar mengatakan yang darjah² peralehan dalam bahasa Inggeris di-adakan mulai tahun 1971, kerana kelas itu telah pun di-mulakan semenjak tahun 1956.

Bagi menjawab soalan yang kedua, tujuan-nya mengadakan Kelas Peralehan ini ia-lah untuk memperkuatkan pengetahuan murid² berkenaan dalam bahasa Inggeris kerana mereka datang dari aliran yang bukan aliran Inggeris. Itu tujuan mengadakan Remove Class.

Bagi jawapan yang ketiga, bilangan² murid di-darjah² ini pada tahun 1971 ada-lah seperti berikut:

Melayu	...	...	...	10,762
China	...	...	...	31,697
India dan Pakistan	...	...	...	3,465
Lain ²	...	...	...	8
Jumlah besar				45,932 orang

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan, Dato' Yang di-Pertua, Bukan-kah jawapan itu sa-olah² menutup bangkai gajah dengan nyiru. Sebab Remove Class dalam bahasa Inggeris yang di-adakan dalam tahun 1971 ini ada-lah berbeza sama sa-kali dengan Remove Class yang di-adakan pada tahun² yang sa-belum-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, saya tidak faham apa maksud dan tujuan-nya. Saya tidak faham.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada mengatakan soalan saya tadi tidak benar, sebab Remove Class yang di-adakan dalam tahun 1971 saya kata, dia kata di-adakan dalam tahun 1956 lagi. Saya tahu. Jadi, saya tanya sekarang bukan-kah jawapan ini sa-olah² menutup bangkai gajah dengan nyiru erti-nya, Dato' Yang di-Pertua, semua orang tahu, sebab Remove Class yang di-adakan dalam tahun 1971 ini ada-lah berlainan sama sa-kali dengan Remove Class yang telah di-adakan di-tahun² yang sa-belum-nya. Kalau hendak minta saya memberi penjelasan, saya boleh beri lagi supaya Yang Berhormat Menteri Pelajaran itu faham betul².

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu nampak saya memberi sharahan. Yang saya hendak ini, apa soalan-nya itu, kalau dia menunjokkan atau menerangkan kepada saya fahaman-nya berkenaan dengan bangkai dan lain²-nya,

itu faham dia. Boleh jadi saya itu berfaham lain. Itu faham dia. Saya yang hendak tahu apa-kah soalan tambahan dia itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Soalan tambahan. Ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran faham benar² bahawa Remove Class yang di-adakan dalam tahun 1971 ini beza-nya yang besar sa-kali ia-lah murid² itu di-ambil dari chalun² yang berkelulusan tinggi yang mendapat Pangkat A, B, tidak-lah sa-bagaimana chalun² yang di-ambil untuk menyambong ka-Remove Class di-tahun² yang sa-belum-nya. Di-tahun² yang sa-belum-nya chalun² itu di-ambil tidak kira walau pun dia dapat Pangkat C, Pangkat D atau pun pangkat apa sa-kali pun?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbezaan atas asas-nya. Bagaimana yang sudah di-perbuat di-tahun² yang lampau pada tahun 1971 murid² ini di-pilih dan di-ambil dengan kemahuan dan permintaan ibu bapa-nya sendiri yang di-masokkan ka-sekolah Remove Class ini.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar tujuan Kerajaan untuk mengadakan Darjah Peralehan ini untuk mengambil ka-semua murid² yang pandai dari aliran Melayu ini dan tinggal kapada Sekolah Kebangsaan atau pun untuk aliran Bahasa Kebangsaan murid² yang kurang pandai.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, saya tidak sa-kali² bertujuan bagitu. Ada juga murid² yang pandai daripada kelulusan tahun 1970 itu yang emak bapa-nya tidak bersetuju anak²-nya di-masokkan aliran Remove Class Inggeris itu.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan jawapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi saya hendak menyambong soalan lagi. Tidak-kah dengan menubuhkan Darjah Peralehan seperti yang telah di-amalkan pada tahun 1971 ini akan dapat membantut pelancharan per-laksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, fahaman sa-bagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, faham saya lain.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Kementerian Pelajaran tahu dengan ada-nya Darjah

Peralehan bahasa Inggeris di-ambil daripada murid² Sekolah Melayu itu menjatuhkan imej Bahasa Melayu? Sebab guru² Melayu semua-nya menda'ayahkan kepada ibu bapa kanak² masok-lah Sekolah Menengah Melayu, ada Universiti Kebangsaan, tetapi apabila budak² di-sekolah Melayu yang pandai di-masokkan ka-sekolah Inggeris dengan Remove Class dia dapat dudok hostel, dapat dudok asrama dapat scholarship

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan tambahan-kah atau ucapan?

Tuan Hashim bin Gera: Tidak, hendak menerangkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ta' payah menerangkan.

Tuan Hashim bin Gera: Ta' apa-lah. Jadi, dengan ada-nya Peralehan (Remove) itu menjatuhkan imej bahasa Melayu tidak berapa di-hargai oleh ibu bapa kanak². Ada-kah Kementerian Pelajaran sedar dengan perbuatan dengan tidak sa-chara langsung itu menghampakan harapan bangsa Melayu, bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi yang tunggal di-gunakan dalam bahasa sains.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Apa ucapan-nya itu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, jikalau penukaran bahasa pengantar Inggeris kepada Bahasa Kebangsaan Darjah Satu Sekolah Jenis Kebangsaan mula tahun 1970 telah di-kuatkuasakan dengan tujuan melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan, maka apa-kah pula persediaan² ka-araf itu tidak mahu di-adakan?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu juga luas, tetapi perkara yang tepat kepada soalan yang asal itu tidak tepat.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Darjah Satu dalam Sekolah Kebangsaan di-jalankan dalam bahasa Melayu. Kemudian bila sampai Darjah Enam murid itu di-minta supaya masok Remove Class, macham di-Universiti Kebangsaan besok. Jadi kita pergi, kemudian kita undor balek ma'af, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Untuk lebih puas hati lagi buat satu soalan lain berkenaan dengan itu pada masa kahadapan?

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan pada tahun berapa-kah Darjah Peralehan itu akan di-hapuskan?

Tuan Yang di-Pertua: Macham mana, ulang lagi sa-kali.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun berapa-kah akan datang Darjah Peralehan ini akan di-hapuskan?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, ada tahun-nya, tetapi sa'at ini saya tidak ingat tahun berapa, tetapi ada-lah dalam sekim kita itu Sekolah Peralehan ini akan hapus pada satu tahun yang tetap. Tetapi tahun-nya saya tidak ingat-lah.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran berchadang akan menimbangkan sa-mula pembukaan Remove Class di-tahun² akan datang saperti ini sa-telah menerima tegoran² dan fikiran² yang ikhlas dalam Dewan yang mula pada hari ini?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini bagi tahun yang lepas ini ia-lah perhubungan sama ada benda itu akan di-langsungkan atau tidak, saya akan timbangkan kelak.

KADAR MURID² DAN GURU²— KAJIAN SA-MULA

11. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan akan menambah nisbah yang terkandung dalam surat Pekelilingan Kementerian Pelajaran 3/67, mengenai guru² sa-sabuah Sekolah Rendah dan Menengah daripada 1:2 dan 1:3 kepada 1:2 di-Sekolah Rendah tidak termasuk Guru U gama dan 1:3 di-Sekolah Menengah Rendah tidak termasuk Guru U gama.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, Peratoran Pentadbiran Kementerian Pelajaran Bilangan 3/67 berhubung dengan kadar² murid dan guru² sedang di-kaji sa-mula dan soal untuk meninggikan kadar sa-umpama yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan di-beri perhatian.

PENGAJARAN SAINS DI-SEKOLAH² RENDAH—PERUNTOKAN KHAS

12. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta kepada Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah Kerajaan sedar bahawa tidak ada peruntokan wang bagi Sains di-Sekolah Rendah sa-lain daripada Peruntokan O.C.A.R./O.C.S.E. yang dapat sa-banyak \$4 tiap² sa-orang murid.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, ya, saya sedar bahawa tidak ada peruntokan khas bagi pengajaran sains di-Sekolah² Rendah. Tetapi kadar peruntokan \$4 sa-orang sa-tiap tahun, sa-tahun itu cukup untuk kegunaan sekolah² termasuk pengajaran sains. Bagaimana pun saya sedang mengkajikan perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau di-Darjah Peralehan (Remove Class) umpama-nya sa-tahun murid itu lebih tua daripada murid Darjah Enam Sekolah Rendah di-beri bantuan pelajaran sains sa-banyak \$5 tiap² sa-orang dalam sa-tahun di-samping itu mendapat pula *per capita* lain² perbelanjaan berulang tiap² tahun atau pun O.C.A.R./O.C.S.E. sa-banyak \$7.50 mengapa-kah pihak yang Berhormat Menteri Pelajaran tidak berchadang untuk menambahkan peruntokan sains kepada murid Darjah 5 dan Darjah 6 itu sa-kadar \$3 atau \$4 sa-orang.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, bagaimana saya terangkan tadi, saya sedang mengkajikan perkara ini.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi pengakuan dalam Dewan hari ini bahawa soal Peruntokan Khas Sains di-Sekolah Rendah bukan sahaja akan di-beri pertimbangan yang berat oleh Kerajaan malahan akan terus di-jalankan perbinchangan dengan pihak² yang berkenaan agar hasrat ini akan dapat di-penuhi di-Sekolah Rendah seluruh negara?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, chakap-nya panjang sangat, saya tidak faham apa benda soalan tambahan itu. Tidak faham saya, panjang sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta ulang lagi sa-kali.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan dan ringkas-nya bagini. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi pengakuan dalam Dewan hari ini bahawa soal Peruntokan Khas Sains Sekolah Rendah ini akan di-timbangkan?

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, sa-bagaimana yang saya chakapkan tadi, perkara ini sedang saya kajikan lagi.

Tuan Muhammad Fakhruddin bin Haji Abdullah: Dato' Yang di-Pertua, agak²-lah kajian itu untuk menghapuskan atau merendahkan atau pun akan melebehkan lagi, agak².

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Dato' Yang di-Pertua, kalau saya kata saya sedang mengkaji tidak-lah dapat memberi jawapan yang mu'tamat pada masa ini, sa'at ini.

Tuan Yang di-Pertua: Puas hati?

GULA PASIR YANG DI-IMPOT— TIMBANGAN CHUKAI BERGANDA

13. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan:

- (a) ada-kah benar bahawa gula pasir yang di-impot dari Kilang² di-Malaysia Barat, di-kenakan bayaran \$145.60 satan sa-bagai cukai impot di-tambah dengan cukai berganda 4%;
- (b) sama ada gula pasir dari Malaysia Barat harga-nya lebih mahal daripada gula yang di-impot dari negeri² Asing;
- (c) boleh-kah beliau memberi pertimbangan mengechualikan daripada cukai berganda 4% dan cukai impot yang di-kenakan ka-atas gula yang di-impot dari Malaysia Barat.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, jawab kepada soalan:

- (a) ada-lah benar bahawa pengimpotan² gula pasir dari kilang² di-Malaysia Barat ka-Malaysia Timor di-kenakan bayaran cukai impot sa-banyak \$145.60 pada satu tan, tetapi pengimpotan tersebut ada-lah di-kechualikan dari cukai tambahan (surtax) sa-banyak 4%;

- (b) harga gula pasir dari Malaysia Barat ada-lah setanding dengan beberapa negeri² asing dengan harga yang di-dapati di-beberapa negeri asing dan jika di-bandingkan dengan negara² Asia seperti Indonesia, Taiwan, India atau pun Jepun, kita dapati bahawa harga gula pasir di-Malaysia Barat ada-lah lebih murah;
- (c) Oleh sebab jawapan saya di-(a) tadi menerangkan bahawa gula yang di-impot dari Malaysia Barat ka-Malaysia Timor tidak di-kenakan cukai berganda (surtax) soalan ini tidak ber-bangkit lagi.

MALAYSIA INTERNATIONAL SHIPPING CORPORATION BERHAD— PERKHIDMATAN KA-JEDDAH

14. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail bertanya kepada Menteri Pengangkutan sama ada Sharikat Perkapalan Kebangsaan-nya sendiri ia-itu Malaysia International Shipping Corporation Berhad akan memberi perkhidmatan di-antara Malaysia-Jeddah dan sa-balek-nya, jika benar bila.

Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Kapal Haji di-antara Malaysia dengan Jeddah ada-lah di-uruskan oleh Lembaga Urusan dan Tabong Haji yang membuat kontrak dari masa ka-samasa dengan mana² Sharikat Perkapalan yang di-pilih-nya. Pada masa ini Sharikat Perkapalan Antara Bangsa Malaysia belum lagi di-temui oleh Lembaga Urusan dan Tabong Haji supaya membuat kontrak membawa Jema'ah Haji di-antara Malaysia dan Jeddah.

Ada-lah di-fahamkan Lembaga Urusan dan Tabong Haji ada ranchangan hendak membeli kapal mereka sendiri dan melantek Sharikat Perkapalan Kebangsaan menjadi penasihat-nya.

Tuan Hashim bin Gera: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia ini berasaskan daripada dua buah kapal daripada Kerajaan Jepun membayar hutang Darah?

Dato' Abdul Ghani Gilong: Ya, Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah benar.

RANCHANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN—BILANGAN KELUARGA

15. Tuan Edwin anak Tangkun bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, semenjak L.K.T.P. mula membuka tanah² baharu:

- (a) berapa ramai orang yang telah mendiami di-tanah² itu dalam tiap² Negeri di-Malaysia;
- (b) berapa banyak wang yang telah di-belanjakan untuk membuka tanah² itu di-tiap² negeri di-Malaysia.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Tuan Yang di-Pertua, bilangan keluarga yang telah di-tempatkan dalam Ranchangan L.K.T.P. sa-hingga 31hb Disember, 1970 ia-lah seperti berikut:

Johor	...	...	...	6,317
Melaka	...	...	...	877
Negri Sembilan	...	...	...	2,694
Selangor	...	...	...	1,287
Perak	...	...	...	1,593
Kedah	...	...	...	1,458
Trengganu	...	...	...	1,851
Pahang	...	...	...	4,641
JUMLAH				20,718

Ada-lah di-anggap jumlah orang yang tinggal di-ranchangan² itu ia-lah 130,000 orang.

Jumlah wang yang di-belanjakan dalam menjalankan ranchangan² tanah ini di-Malaysia Barat sa-hingga 1970 ia-lah \$371 juta. Saya tidak mempunyai pechahan perbelanjaan bagi tiap² negeri kerana kira² urusan pentadbiran dan pengurusan tidak ada di-buat berasingan mengikut Negeri².

DISPENSARI² BERGERAK DI-LUAR BANDAR, SARAWAK

16. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta kepada Menteri Kesihatan menyatakan ada-kah apa² peruntukan yang telah di-buat di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua bagi membaiki dan mengadakan lebih banyak lagi Dispensari² Bergerak bagi penduduk² luar bandar Sarawak supaya khidmat² kesihatan yang lebih memadai

boleh terdapat kepada penduduk² tersebut, jika tiada, boleh-kah Menteri menerangkan sebab²-nya, dan jika ada, boleh-kah Menteri huraikan.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya akan memberi keistimewaan yang saksama untuk memperbaiki perkhidmatan kesihatan di-kawasan² luar bandar di-Sarawak. Ranchangan ini termasuklah peruntukan perkhidmatan dispensari², yang tidak bergerak dan juga yang bergerak dan peruntukan perkhidmatan perubatan di-sapanjang sungai² juga.

Butir² berkenaan dengan chadangan² itu akan dapat di-bahatikan di-dalam Dewan ini apabila Ranchangan Malaysia Yang Kedua di-bentangkan kelak.

GETAH DAN TEPONG SAGU— RENDAH HARGA-NYA

17. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan apa-kah langkah² yang sedang di-ambil bagi membantu penduduk² luar bandar yang miskin, terutama sekali di-negeri Sarawak, memandang kepada rendah-nya harga² getah dan tepong sagu ia-itu dua daripada hasil² pertanian yang utama negeri itu dan yang menjadi punca mata-pencharian penduduk² tersebut; jika tiada, boleh-kah Menteri memberi penjelasan, dan jika ada, sila terangkan.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada-lah mengambil perhatian yang berat atas masalah kemerosotan harga² getah dan barang² lain, termasuk tepong sagu, sa-bagai melibati seluruh negara. Untuk menstabilkan harga getah, Malaysia sa-bagai ahli dalam Persatuan Negara² Pengeluar Getah Asli, bersama² dengan ahli² yang lain sedang menjalankan strategi bersama untuk menghadapi ancaman simpanan Stok Amerika—sebab yang utama membawa kepada kemerosotan harga getah. Strategi tersebut meliputi usaha kerjasama dalam hal² perkapalan dan pertukaran² ma'alumat, teknik dalam chara pengeluaran. Langkah Kerajaan sa-demikian lambat laun akan memberi faedah kepada ra'ayat di-luar bandar.

Langkah² lain untuk jangka panjang bagi mengatasi harga getah yang rendah ia-lah

dengan melancarkan Ranchangan Tanaman Sa-mula Getah untuk membolehkan pekebun² kecil menanam getah yang baik mutu-nya, untuk mengeluarkan hasil yang lebih banyak, juga menggalakkan pekebun² kecil memper-bagai jenis tanaman² mereka supaya mata pencharian mereka tidak-lah tergantung kepada satu jenis tanaman sahaja.

Berkenaan dengan sagu, Kementerian saya juga sedang memperhebatkan lagi usaha galakan perdagangan di-samping mengemukakan kepada Persidangan Perdagangan dan Kemajuan Bangsa² Bersatu atau UNCTAD supaya negeri² yang mengimpot barang ini akan memberi layanan yang lebih baik dan istimewa kepada kita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup. (Masa untuk Pertanyaan² bagi Jawab Mulut telah cukup, dan jawapan² lisan bagi Pertanyaan² No. 18 hingga No. 46 ada-lah di-beri di-bawah ini).

DASAR MARA MENGENAI PINJAMAN PERNIAGAAN

18. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah bertanya kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar:

(a) ada-kah beliau sedar bahawa Dasar MARA sekarang ini mengenai pemberian pinjaman², terutama-nya di-Sarawak, tiada sesuai dengan keadaan² sekarang dalam negeri itu memandang-kapada pinjaman² tersebut menghendaki petani² anak negeri menchar pinjam² dengan geran tanah² yang memakai nama mereka dan kebanyakan dari anak² negeri pula memiliki tanah² tanpa geran² tetapi memiliki tanah² tersebut menurut hak² segi adat; oleh yang demikian hanya beberapa orang anak² negeri yang diam di-Bandar² sahaja yang mendapat faedah sedang-kan teman mereka di-Luar Bandar terus menderita tanpa faedah² bantuan MARA;

(b) memandang kepada hal yang tersebut di-atas, ada-kah Menteri akan menimbang mengubahsuaikan Dasar² Pinjaman MARA supaya sesuai dengan keadaan² di-Sarawak dan sambil itu memberi jaminan bahawa MARA akan memberi pinjaman² yang di-bayar baki mengikut kadar faedah yang lebih rendah dan dalam tempoh yang

- lebeh panjang, serta dengan jumlah bayaran sa-chara beransor² yang kechil;
- (c) ada-kah Menteri akan menghapuskan sama sa-kali bayaran faedah² di-atas Pinjaman² MARA kapada mereka² dalam hal² keadaan yang patut terutama sa-kali apabila usaha yang mereka sedang jalankan itu belum mengeluarkan apa² hasil.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba:

- (a) Dasar MARA ia-lah memberi pinjaman untuk usaha² perniagaan dan perusahaan dan bukan untuk pertanian yang di-selenggarakan oleh Badan Kewangan dan Kemajuan Sarawak. Pinjaman² untuk pertanian telah di-berhentikan oleh MARA semenjak bulan Jun 1965.

Chagaran tanah ada-lah di-utamakan tetapi untuk pinjaman yang kechil sa-kira-nya sa-suatu ranchangan itu di-dapati baik dari segi keuntongan-nya, jaminan persendirian dari dua orang yang menasabah kedudukan kewangan-nya boleh di-pertimbangkan menggantikan chagaran tanah.

- (b) Pinjaman² wang MARA boleh di-bayar dalam tempoh masa 5 tahun dengan faedah 7% sa-tahun dan ada-lah sangat berpatutan. Ansoran pinjaman di-tetapkan supaya sa-imbang dengan pendapatan dari sa-suatu ranchangan yang di-kaji dengan teliti-nya sa-belum pinjaman di-luluskan;
- (c) Saya sentiasa memberi penanggohan dalam tempoh masa yang berpatutan atas pembayaran balek wang pinjaman MARA sa-kira-nya usaha yang di-jalankan belum mengeluarkan hasil lagi.

(Dengan izin)

- (a) MARA's policy is to provide loans for enterprises pertaining to commerce and industry and not for agriculture which is being taken care of by the Sarawak Finance & Development Corporation. MARA has stopped providing loans for agriculture since June 1965. Land is preferred as security but for small loans which are found to be viable, personal guarantees by two persons of appropriate financial standing can be considered in lieu of land security.

- (b) Loans from MARA can be repaid within a period of 5 years with interest at the rate of 7% per annum which is considered to be very reasonable. Amount of instalment is fixed at a rate commensurate with the income of each project which is carefully studied before the loan is approved.
- (c) I am always prepared to consider deferment of payment of instalments for a reasonable period in cases where undertakings in hand are not bearing any returns yet.

**PERJANJIAN BANGKOK
MENGENAI KESELAMATAN**

19. Tuan Othman bin Abdullah minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sa-jauh mana kejayaan yang telah di-chapai hasil kerjasama antara Kerajaan Thai dan Malaysia di-dalam usaha menghapuskan pengganas² kominis di-kawasan sempadan selepas "Perjanjian Bangkok" di-perbuat tahun yang lalu.

Tun Dr Ismail: Hasil kerjasama yang telah di-chapai selepas membuat Perjanjian tersebut ada-lah memuaskan. Perjanjian itu telah juga membolehkan pasokan² keselamatan daripada kedua² negara bertindak untuk menghapuskan pengganas² kominis di-kawasan sempadan dengan berkesan.

**PENGGANAS² KOMINIS DI-SEMPADAN
THAI/MALAYSIA**

20. Tuan Othman bin Abdullah minta kapada Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa pengganas² kominis di-sempadan Thai/Malaysia menggunakan orang² Islam sa-bagai umpan di-dalam tektek baharu untuk mempengaruhi orang ramai menyokong mereka. Jika benar apa-kah langkah² yang harus di-ambil oleh kedua² buah Kerajaan itu untuk mengelak berlaku-nya peristiwa burok di-kalangan orang ramai di-sana.

Tun Dr Ismail: Ya, orang² Islam di-sempadan Malaysia/Thai sedang di-pergunakan oleh pengganas² kominis sa-bagai alat penyampaian propaganda mereka. Langkah² yang telah di-ambil untuk menghapuskan aktiviti² pengganas itu ada-lah seperti berikut:

- (a) memindahkan sa-mula kampong² di-sempadan tersebut dan juga di-kawasan² yang di-anggap perlu;

- (b) mengadakan kursus civic dari masa ka-samasa;
- (c) menjalankan peperangan saraf dengan menitek beratkan kepada tajok² yang memberi keterangan² lanjut di atas kejahatan² dan tujuan² burok pasokan pengganas kominis itu.

RUMAH PANJANG—KESUSAHAN RA'AYAT MENDAPAT PEKERJAAN

21. Penghulu Abit anak Ankin bertanya kepada Menteri Buroh:

- (a) ada-kah Menteri sedar, ia-itu ra'ayat dalam rumah panjang dalam kawasan Kapit dan Kanowit di-Sarawak merasa sangat susah kerana tidak dapat menchari kerja dalam negeri, maka terpaksa pergi ka-Kalimantan Barat, Sabah dan Brunei;
- (b) boleh-kah Menteri memberi keyakinan untuk memberi perhatian supaya mengadakan kerja² dalam negeri untuk mengurangkan pemergian mereka keluar negeri.

Tan Sri V. Manickavasagam: Kerajaan sedar bahawa ra'ayat yang mendiami rumah panjang di-kawasan Kapit di-Sarawak menghadapi masaalah mendapatkan pekerjaan di-negeri ini dan mereka menchari pekerjaan di-Kalimantan Barat, Sabah dan Brunei. Walau bagaimana, ada-lah menjadi kebiasaan dari orang² Iban dari rumah panjang bukan sahaja dari kawasan Kapit dan Kanowit tetapi juga dari jajahan lain di-Sarawak pergi ka-Brunei untuk mendapatkan pekerjaan dengan Sharikat² Shell dan pergi ka-Sabah untuk mendapat pekerjaan dengan khemah² balak. Kebiasaan ini telah di-lakukan sejak zaman pemerintahan kolonial lagi. Oleh sebab itu orang² di-sini maseh lagi ka-Brunei dan Sabah untuk mendapatkan pekerjaan kerana gaji yang di-tawarkan adalah lebeh lumayan.

Terdapat 3 kilang papan di-Kapit dan Kanowit, tetapi kilang papan Balleh di-Kapit telah di-tutup pada bulan Disember, 1970. 2 kilang papan yang maseh ada lagi ia-lah:

- (a) Sut Sawmil di-Kapit;
- (b) Song Logging Co. di-Kapit.

Kedua² kilang papan ini mempunyai seramai 336 pekerja. Sa-tiap langkah sedang di-ambil oleh Kerajaan untuk mengadakan pekerjaan bagi ra'ayat bukan sahaja di-Sarawak tetapi juga di-lain² negeri di-negara

ini. Sa-benar-nya Kerajaan negeri Sarawak sekarang ini mengambil bahagian aktif didalam pembangunan perusahaan kayu dan ini akan mengambil masa sa-belum perusahaan kayu kayan itu di-dirikan di-Kapit dan Kanowit yang tidak mempunyai kemudahan pengangkutan yang sewajar-nya.

(*Dengan izin*) The Government is aware that inhabitants of longhouses in Kapit and Kanowit, Sarawak are facing problems of obtaining jobs in the country and that they are seeking employment in West Kalimantan, Sabah and Brunei. However, the practice of the Ibans from the longhouses not only in Kapit and Kanowit but also from other districts of Sarawak as well, proceeding to Brunei for employment with Messrs. Shell Company and Sabah to work in the timber camps has been going on since the colonial days. Due to this practice, the people still proceed on their own to Brunei and Sabah for employment as the wages paid there are more lucrative.

There are only 3 sawmills in the Kapit and Kanowit areas but the Balleh Sawmill at Kapit closed down in December, 1970. The remaining 2 sawmills are as follows:

- (a) Sut Sawmill, Kapit
- (b) Song Logging Co., Kapit

Both these sawmills together employ 336 workers. Every effort is being made by the Government to generate employment for the people not only in Sarawak but also in other States in the country. In fact, the Sarawak State Government is at present actively involved in the development of the forest industry and it will take some time before the forest industry can be established in the Kapit and Kanowit areas which are without proper means of transport.

PAKAIAN SERAGAM BAGI MURID² SEKOLAH SARAWAK

22. Penghulu Abit anak Ankin bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) ada-kah Menteri sedar, ia-itu menyuroh budak² sekolah dalam Sarawak memakai pakaian seragam (common uniform) telah memberi kesusahan kepada ibu-bapa budak² di-Sarawak;
- (b) boleh-kah Menteri memberi pertimbangan kepada budak² sekolah dari luar-bandar supaya mereka tidak disuroh memakai pakaian-sama ini,

jikalau ibu-bapa budak² itu tidak dapat membelanjakan tambahan ini.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: (a) Tidak. Saya tidak sedar mengikut arahan berkenaan dengan pakaian seragam murid² sekolah yang di-keluarkan oleh Pengarah Pelajaran Sarawak, sekolah² di-kawasan luar-bandar dan ulu² yang akan mendapati kesulitan untuk melaksanakan pakaian seragam sekolah² hendak-lah menulis kepada-nya sebelum 31hb Mach, 1971 melalui Pengelola² Sekolah masing² dan Pegawai² Pelajaran Bahagian dengan menyatakan masalah² dan kesulitan² yang tertentu. Sa-takat ini beliau belum lagi menerima surat² yang menyatakan kesulitan² itu.

(b) Saya akan menimbangkan sebarang permohonan mengenai masalah² dalam perkara ini.

(Dengan izin)

(a) No. I am not aware. According to the directive regarding Common School Uniform offered by the Director of Education Sarawak, schools in the rural or ulu areas which may encounter some difficulties in implementing the adoption of the Common School Uniform should write in to this Department before 31st March, 1971 through their respective Supervisors of Schools and/or Divisional Education Officers stating their particular problems or difficulties. So far he has not received any letter to that effect.

(b) I shall consider any representation to this effect.

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN REL

23. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pengangkutan apa-kah langkah² tertentu yang akan di-ambil oleh Kerajaan bagi memperbaiki lagi, merancang dan memperbaharui perkhidmatan pengangkutan rel untuk menyamakan dengan pengangkutan² yang lain sa-lepas 31hb Ogos, 1957.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Semenjak negeri kita merdeka, Pentadbiran Keretapi telah mengambil tindakan² untuk membaiki dan memodenkan perkhidmatan keretapi pada keseluruhan-nya. Rancangan pembaikan dan pemodenan perkhidmatan keretapi itu berkehendakkan penanaman modal yang banyak, oleh itu ranchangan² yang di-laksanakan di-buat mengikut kemampuan Kerajaan dan Pentadbiran Keretapi. Berikut

ada-lah ranchangan² besar yang telah pun di-laksanakan oleh Pentadbiran Keretapi daripada satu masa ka-satu masa:

- (i) Semenjak daripada tahun 1957 lagi Pentadbiran Keretapi telah membeli injin² disel untuk menggantikan injin² kuasa wap yang di-gunakan oleh Keretapi. Ranchangan pendiselan ini ada-lah di-jalankan terus-menerus sa-hingga semua injin² kuasa wap itu dapat di-gantikan dengan injin² disel. Daripada tahun 1957 sa-hingga akhir tahun 1969, 51 buah injin disel telah di-beli untuk di-gunakan di-landasan besar bagi menarek teren², barang² dan penumpang.
- (ii) Perkhidmatan keretapi penumpang disel relkar telah di-adakan mulai daripada tahun 1958. Sa-hingga sekarang sa-banyak 28 buah injin disel relkar telah pun di-perolehi oleh Pentadbiran Keretapi. Pembelian disel relkar ini ada-lah bagi memberi perkhidmatan yang lebeh baik, lebeh moden dan lebeh pantas lagi kepada penumpang² keretapi.
- (iii) Pentadbiran Keretapi telah juga membeli gerabak² barang yang baharu bagi menggantikan gerabak² yang telah tua dan juga menambahkan jumlah gerabak² barang untuk memenuhi kehendak² pengguna² dan juga pedagang.
- (iv) Pentadbiran Keretapi telah juga menjalankan kerja² untuk membaharui landasan² yang telah lama atau rosak pada tiap² tahun. Kerja² untuk membaharukan landasan kira² sa-jauh 20 batu sa-tahun ada-lah juga di-jalankan. Demikian juga kerja² untuk menggantikan landasan² yang pendek dengan landasan² yang lebeh panjang lagi dengan tujuan untuk memberi keselamatan kepada perjalanan keretapi.
- (v) Sistem² semboyan dan talikom telah juga di-baharui dari satu masa ka-satu masa.
- (vi) Di-bawah anjoran ASA dan juga dengan kerjasama negara Thai, Pentadbiran Keretapi telah memulakan perkhidmatan keretapi di-antara Kuala Lumpur dengan Bangkok pada 22-4-1963.
- (vii) Pembinaan sa-buah sekolah latehan yang akan di-gunakan untuk memberi

latehan kepada pegawai dan kakitangan Keretapi dalam aspek² teknikal pentadbiran keretapi.

- (viii) Satu Bahagian Penyelidik dan Perancang telah di-tubuhkan yang mempunyai tugas² menjalankan selidek berkenaan perjalanan keretapi dan membuat ranchangan² memperbaiki dan memodenkan perkhidmatan keretapi.

PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN REL—PENUTUPAN

24. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah niat Kerajaan lama kelamaan untuk menutup perkhidmatan pengangkutan rel. Sa-kira-nya tidak, mengapa-kah Kerajaan belum lagi merancang dan memperbaiki perkhidmatan keretapi yang lebeh laju dalam negeri ini supaya sa-imbang dengan kemajuan teknologi.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Tidak ada chadangan hendak menamatkan perkhidmatan pengangkutan keretapi. Untuk perkhidmatan yang pantas lagi, Pentadbiran Keretapi telah menambahkan injin disel untuk menggantikan injin² kuasa wap yang digunakan oleh Keretapi masa² dahulu. Sekarang ini 40 injin lagi ada-lah dalam pesanan. Ranchangan ini akan terus di-jalankan sa-hingga semua injin² kuasa wap dapat di-gantikan dengan injin disel. Untuk pantas perkhidmatan juga disel relkar telah di-adakan mula² daripada 1958.

KERETAPI TANAH MELAYU— MEMBENA RUMAH² PANGSA

25. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Pengangkutan ada-kah benar bahawa Keretapi Tanah Melayu sedang membena rumah² pangsa dengan hanya mempunyai sa-buah bilek untuk pekerja² Tingkatan IV di-Jalan Bangsar, Kuala Lumpur? Sa-kira-nya ya, ada-kah benar maka rumah² saperti itu taraf-nya ada-lah rendah daripada taraf untuk kediaman manusia dalam masyarakat yang bertamadun.

Dato' Haji Abdul Ghani Gilong: Ada-lah benar Pentadbiran Keretapi sedang berusaha membena rumah² pangsa untuk menggantikan rumah² yang lama bagi pekerja²-nya di-Jalan Bangsar, Kuala Lumpur. Tetapi tidak-lah benar bahawa rumah² pangsa yang di-chadangkan itu mempunyai sa-buah bilek sahaja.

PERWAKILAN KESATUAN SEKERJA

26. Tuan Lim Kit Siang minta kepada Menteri Buroh menyatakan sama ada beliau telah menerima perwakilan dari kesatuan sekerja mendesak di-buat undang² supaya majikan memberi pengiktirafan otomatik kepada kesatuan yang mempunyai perwakilan yang terbanyak, jika ya, nyatakan butir² perwakilan dan wakil² tersebut; dan nyatakan kenapa Kementerian Buroh selalu menentang undang² tersebut.

Tan Sri V. Manickavasagam: Sa-masa per-bincangan² awal dengan kesatuan² sekerja dan pertubohan² majikan yang mendahului pengumuman Akta Perhubungan Perusahaan pada 7hb Ogos, 1967 perwakilan² telah di-buat oleh beberapa kesatuan sekerja dan pertubohan² majikan untuk membuat peratoran² bagi mengator pengiktirafan kesatuan sekerja. Ini telah di-pertimbangkan dan peratoran² telah di-satukan dalam Akta Perhubungan Perusahaan. Sejak 1967 sa-lepas pengumuman Akta Perhubungan Perusahaan soal itu tidak timbul lagi kerana peratoran² yang di-masokkan dalam Akta itu berjalan dengan baik. Di-mana pengiktirafan kesatuan sekerja di-tahan dengan tidak sewajar-nya oleh majikan Menteri Buroh mempunyai kuasa di-bawah Akta tersebut memerintah pengiktirafan itu.

(Dengan izin) During preliminary discussions with trade unions and employers' organisations which preceded the promulgation of the Industrial Relations Act on 7th August, 1967 representations were made by some trade unions and employers' organisations for the incorporation of procedures for the disposal of trade union recognition issues. These were considered and procedures were incorporated in the Industrial Relations Act. Since 1967, after the promulgation of the Industrial Relations Act, this question does not arise as the procedures incorporated in the Act have worked satisfactorily. Where recognition of a trade union is unreasonably withheld by an employer the Minister has power under the Act to order such recognition.

UBAT² KHAYALAN—MENGHALANG PENGUNAAN

27. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah² yang telah di-ambil untuk menghalang penggunaan ubat² yang menghayalkan di-kalangan belia² di-Malaysia, kerana bertambah ramai belia²

yang menggunakan ubat² tersebut, termasuk penuntut² di-sekolah² menengah dan maktab².

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Menghisap atau menyalah gunakan madat merbahaya di-kalangan muda-mudi belum-lah lagi menjadi masalah yang berat, walau bagaimana pun, ada-lah menjadi dasar Kementerian saya untuk mengambil langkah² menchegeh yang perlu dan berkesan bagi menjauhkan bahaya ini dari bukan sahaja kalangan muda-mudi tetapi juga di-kalangan masyarakat.

Satu jawatankuasa yang di-gelar dengan nama Jawatankuasa Penyelaras Antara Jabatan² telah di-tubuhkan di-Kementerian saya untuk menyiasat sa-jauh mana bahaya² ini telah merebak. Wakil² dari Jabatan² seperti Jabatan Pelajaran, Polis, Kastam, Majlis Bandar Raya, Kuala Lumpur ada-lah menjadi sa-bahagian daripada anggota² Jawatankuasa ini. Pada masa ini, Jawatankuasa ini sedang mengkaji dengan aktif-nya chadangan untuk menubuhkan satu badan penchegeh yang di-beri gelaran sementara sa-bagai "Biro Madat Bahaya Pusat". Sa-bagai sa-bahagian daripada tugas²-nya, Biro ini akan bertanggung-jawab untuk menchari ma'alumat², menyelaras semua langkah² untuk menchegeh keluar-masok sa-chara haram madat bahaya dan membuat penyebaran yang perlu serta menjalankan kempen² dari segi memberi penerangan yang penoh untuk menchegeh mereka daripada menggunakan madat itu serta menunjukkan bahaya-nya madat itu bila di-gunakan.

Dari segi undang², pindaan telah di-buat baru² ini kepada Akta Ubat² Bahaya, 1952 bagi mengadakan hukuman² yang lebeh berat kepada pelanggar² undang² ini dan bagi mengadakan peratoran² yang lebeh ketat mengenai mempunyai atau menyimpan ubat² bahaya serta menghisap ganja. Di-bidang penchegeh pula, semua Ahli² Kimia Ubat di-dalam perkhidmatan Kerajaan telah dilantek sa-bagai Merinyu Ubat² Bahaya untuk membolehkan satu sistem perinyuan di-jalankan di-seluruh negara bagi mengendalikan penjualan ubat² bahaya dan bagi membantu anggota² Polis, Kastam dan Pos di-dalam kerja² mereka bersabit dengan perkara ini.

(Dengan izin) Drug taking amongst our youths has not yet become a serious problem but nevertheless it is the policy of my Ministry to take effective preventive measures to counter drug taking not only amongst

youths but throughout every stratum of society.

A committee to investigate the extent of drug abuse was set up in my Ministry known as the Inter-Departmental Co-ordination Committee on Narcotics comprising representatives of such departments as Education, Police, Customs, the Municipality of Kuala Lumpur, amongst others. This Committee is now actively considering the formation of an executive body termed "Central Narcotics Bureau". Amongst its functions will be the gathering of information, centralisation and co-ordination of anti-trafficking measures and the full scale publicity and educational campaigns to discourage people from taking drugs of addiction as well as to show to them the dangers of drugs abuse.

On the legal side concerning narcotics, amendments to the Dangerous Drugs Ordinance, 1952, have recently been approved which prescribes heavier penalties to offenders, and stricter national control measures in respect of possession of dangerous drugs and consumption of Indian hemp. On the enforcement side, all Government pharmaceutical chemists have been appointed as inspectors so that a country-wide system of inspectors can carry out supervision on sale of dangerous drugs and assist the Police, Customs and Postal authorities.

KILANG ALAT SENJATA PERANG

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan kemajuan yang telah di-chapai untuk membuka kilang alat senjata perang di-Malaysia, dengan memberikan butir² modal yang di-tanam, jenis² senjata yang akan di-buat, tempat, bilangan pekerja, perchampionan negeri asing jika ada.

Tuan Mohamed Khir Johari:

Kemajuan:

Pembinaan kilang di-Batu Arang telah di-mulakan dan di-jangka siap pada permulaan tahun 1972. Pengeluaran di-jangka akan di-mulakan pada pertengahan tahun 1972.

Pelaboran² yang terlibat:

Modal yang di-benarkan ... \$6.5 juta

Modal yang di-kutip seperti yang terdapat pada 16-2-71 \$2.0 juta

Jenis Peluru:

Peluru² bagi senjata ringan.

Bilangan pekerja:

Pada mula-nya lebih kurang 160 pekerja².

Negara² lain (Perkongsingan asing):

Sharikat Oerlikon Machine Tool Works Buhrle dari Switzerland dan Dynamit Nobel A.G. dari Republik German. Kedua² sharikat asing ini membekalkan mesin², pakar² dan pengetahuan. Mereka akan juga melatih orang² Malaysia di-Eropah tanpa bayaran.

NOTE: Maklumat² detil tidak boleh di-beri bagi sebab² keselamatan.

*(Dengan izin)**Progress:*

Construction of factory at Batu Arang has started and is expected to complete in early 1972. Production is expected to commence in the middle of 1972.

Investments involved:

Authorised capital	...	\$6.5 million
Paid-up capital as at	16-2-71	...
	...	\$2 million

Type of ammunition:

Small arms ammunitions.

Number of workers:

Initially about 160 workers.

Other countries (Foreign partners):

Oerlikon Machine Tool Work Buhrle & Co. of Switzerland and Dynamit Nobel A.G. of the Republic of Germany. These two foreign companies supply the machineries, experts and know-how. They shall also train Malaysians in Europe without fee.

NOTE: Detailed informations cannot be disclosed for security reasons.

BIRO PELANCHONGAN DI-AMERIKA/JEPUN

29. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menerangkan sama ada beliau berchadang untuk mendirikan Biro Pelanchongan di-Amerika Sharikat dan Jepun untuk menjual nama Malaysia kepada pelanchong² di-Amerika Sharikat dan Jepun.

Tuan Mohd. Khir Johari: Kita telah melantek Pertubohan Perhubungan Awam

yang mahir di-negeri Amerika dan Jepun bagi menjalankan aktiviti² perhubungan awam dan publisiti untuk menggalakkan lebih ramai pelanchong² datang ka-Malaysia. Pejabat² MSA di-negeri² ini juga di-gunakan sebagai Pejabat² Penerangan Jabatan ini. Pertubohan² ini telah menjalankan perkhidmatan yang sungguh memuaskan dalam usaha mendorong pelanchong² ka-Malaysia.

Chadangan untuk mendirikan Pejabat Pelanchongan kita sendiri di-luar negeri selaras dengan pejabat yang di-tubuhkan oleh lain² negeri juga telah di-pertimbangkan tetapi telah di-ketepikan untuk sementara waktu kerana ia menelan belanja yang banyak.

LESEN² KAPADA PENJAJA²— PENGELUARAN

30. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, ada-kah beliau akan mengeluarkan lebih banyak lagi lesen² kepada penjaja² di-Kuala Lumpur.

Dato' Ong Kee Hui: Ini ada-lah sa-mata² merupakan satu soal pentadbiran bagi Surohanjaya Ibu Kota. Lesen² baharu akan di-keluarkan apabila keadaan melayakkan.

(Dengan izin) This is entirely an administrative question for the Federal Capital Commission. New Licences will be issued as and when the situation merits.

SIJIL KERA'AYATAN— MENYEGERAKAN

31. Dr Tan Chee Khoo bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ada-kah beliau akan mengambil lebih ramai lagi kaki-tangan untuk menyegerakan pengeluaran permohonan sijil kera'ayatan yang pada ketika ini mengambil masa sa-lama empat tahun.

Tun Dr Ismail: Saya suka menerangkan bahawa bilangan kakitangan² membuat pekerjaan berkaitan dengan kewarganegaraan telah di-tambah di-dalam tahun 1970 sa-banyak 106 orang, menjadikan bilangan semua kakitangan yang menjalankan pekerjaan itu sa-banyak 229 orang. Bilangan Pegawai² yang membuat pekerjaan seperti ini di-Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah juga di-tambah daripada 2 orang

kapada 4 orang. Pengambilan sa-ramai 15 orang kakitangan yang baru sedang juga di-jalankan pada masa ini. Dengan ada-nya tambahan² ini maka soal mengeluarkan sijil kewarganegaraan ada-lah di-jangka akan dapat di-selesaikan dengan lebih segera. Soal mengambil kakitangan lebih banyak lagi bergantung-lah kapada kedudukan perkara ini dari masa ka-semasa.

SIJIL² KEWARGANEGARAAN— KELAMBATAN MENGELUARKAN

32. Dr Tan Chee Khoo minta kapada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab kelambatan sampai satu atau dua tahun lama-nya dalam mengeluarkan sijil² kewarganegaraan kapada pemohon² di-bawah Borang G yang telah lulus ujian bahasa mereka.

Tun Dr Ismail: Pemohon² yang menggunakan Borang G ia-lah membuat permohonan kewarganegaraan melalui masokan (Naturalisation) di-bawah Perkara 19 Perlembagaan dan sa-lain daripada ujian bahasa, pemohon² juga harus-lah berkelakuan baik mengikut sharat di-dalam Perlembagaan. Oleh itu sa-telah mereka lulus ujian bahasa, permohonan mereka itu terpaksa di-proseskan. Dalam usaha menentukan kelakuan mereka, tapisan Polis di-adakan dari segi keselamatan dan juga terhadap rekod² jenayah pemohon² jika ada. Proses ini mengambil masa kerana permohonan² terlalu banyak. Kelewatan adalah juga di-sebabkan oleh pemohon² sendiri yang tidak menghantarkan balek dengan segera borang soalan yang berkehendakkan butir² lanjut mengenai peribadi pemohon dan keluarga-nya. Borang soalan ini ia-lah untuk di-penohi berthabit dengan permohonan di-bawah Perkara 19 Perlembagaan apabila lulus Ujian Bahasa. Kadangkala ada juga berlaku si-pemohon sudah menukar alamat semenjak ia lulus Ujian Bahasa dengan tidak memberitahu Jabatan Pendaftaran dan dengan itu mungkin borang itu lambat sampai kapada-nya.

BANGUNAN² MAHKAMAH RENDAH

33. Tuan Richard Ho Ung Hun minta kapada Peguam Negara menyatakan sama ada beliau sedar kebanyakan bangunan² Mahkamah Rendah di-seluruh Malaysia Barat ada-lah di-dalam keadaan burok istimewa-nya yang terletak di-kawasan² luar bandar seperti

Sitiawan. Jika ya, sila nyatakan sama ada sa-barang chadangan akan di-buat supaya pembaharuan dapat di-jalankan.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kerja memperbaiki Mahkamah² yang rosak dan menggantikan Mahkamah² burok dengan bangunan² baharu telah di-jalankan dalam Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama. Projek² ini akan di-sambungkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua.

CHATITAN: Peruntukan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Malaysia Yang Kedua.

- (a) Memperbaiki Mahkamah² yang rosak dan menggantikan Mahkamah² burok dengan yang baharu:

<i>Malaysia Barat</i>	<i>Malaysia Timor</i>
\$250,000	\$150,000

- (b) Mahkamah² baharu:

<i>Malaysia Barat</i>	<i>Malaysia Timor</i>
\$5,898,400	\$1,050,000

Renovations to dilapidated Court Houses and replacements to old Court Houses have been done during the First Five Year Malaysia Plan. These projects will be continued during the Second Malaysia Plan.

NOTE: Allocation under Second Malaysia Plan:

- (a) Renovations and Repairs

<i>West Malaysia</i>	<i>East Malaysia</i>
\$250,000	\$150,000

- (b) Building of new Court Houses:

<i>West Malaysia</i>	<i>East Malaysia</i>
\$5,898,400	\$1,050,000

RUNGUTAN PELANGGAN² TALIPON

34. Tuan Richard Ho Ung Hun minta kapada Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom menyatakan sama ada beliau sedar akan keadaan rungutan dari pelanggan² talipon di-kawasan Sitiawan, kerana panggilan² jauh selalu di-tanggohkan sangat lama. Jika beliau sedar akan hal ini, sudi-kah beliau membuat sa-suatu siasatan tentang-nya supaya keadaan burok ini dapat di-betulkan.

Tun V. T. Sambanthan: Pelanggan² di-Sitiawan dapat panggilan² jauh mereka melalui Ibusawat Ipoh. Ada kesesakan berlaku di-antara Sitiawan dengan Ipoh dan ini ada-lah di-sebabkan oleh kekurangan litar² hubungan jauh dan kekurangan Ibusawat² di-Ipoh. Alat² tambahan sedang di-pasang sekarang dan akan menambahkan jumlah litar² hubungan jauh sa-banyak 25%.

Walau bagaimana pun panggilan² jauh daripada Sitiawan maseh di-kehendaki lagi di-kendalikan oleh operator² melalui Ibusawat Ipoh. Ranchangan² telah di-ator dan pesanan² sedang di-buat untuk alat² ibusawat yang baru supaya mengadakan 'dialling' otomatik sa-chara langsung untuk Sitiawan dan bandar² yang lain di-Perak serta di-negeri² lain pada akhir tahun 1973. Beberapa bandar di-Perak termasuk Sitiawan akan, pada masa itu, dapat mendail bandar² besar di-negeri ini dengan tidak mengalami kelewatan² yang sedang di-hadapi melalui sistem ber-operator.

ASRAMA JURURAWAT/HOSPITAL DAERAH LUMUT—PEMBENAAN

35. Tuan Richard Ho Ung Hun minta kepada Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau tahu di-kawasan Sitiawan sa-buah Asrama Jururawat ada-lah di-perlu dengan segera. Juga sama ada beliau tahu wad bagi orang sakit perempuan di-Rumah Sakit Lumut maseh dalam keadaan yang burok yang mana memerlukan pembaharuan segera. Jika beliau tahu akan keadaan ini, ada-kah apa² ranchangan yang akan di-buat supaya Rumah Tumpangan itu di-bena dan pembaharuan Rumah Sakit tersebut di-jalankan dengan segera.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Ranchangan untuk pembangunan seluroh-nya bagi Hospital Daerah Lumut, Sitiawan termasuk juga pembenaan sa-buah Asrama Jururawat, dan kerja² memperbaiki serta memperluas kan wad².

(*Dengan izin*) The programme for the future development of Lumut District Hospital, Sitiawan does include the provision of a nurses' hostel and for the renovations and extension of wards.

KEWARGANEGARAAN YANG DI-LUCHUTKAN

36. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orang warganegara yang setia telah di-luchutkan kewarganegaraan mereka semenjak Merdeka hingga sekarang; apa bangsa mereka dan alasan² bagi tindakan itu serta berapa orang telah berjaya didalam rayuan mereka melalui jawatan-kuasa rayuan.

Tun Dr Ismail: Tidak ada warganegara yang ta'at setia telah di-luchutkan kewarganegaraan mereka.

SIJIL² KEWARGANEGARAAN YANG DI-PULANGKAN

37. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa bilangan Sijil Kewarganegaraan di-bawah Perkara 30 telah di-pereksa dan kembalikan kepada pemegang²-nya dan juga berapa orang warganegara yang telah ditarek kembali kewarganegaraan-nya hingga Disember 1970.

Tun Dr Ismail: Jumlah sijil² kewarganegaraan di-bawah Perkara 30 yang telah di-sahkan dan di-pulangkan kepada pemegang pada 31-12-1970 ia-lah sa-banyak 26,700 dan jumlah sijil² kewarganegaraan yang di-dapati tidak terator pada 31-12-1970 ia-lah sa-banyak 6,716. Kerajaan tidak meluchutkan taraf kewarganegaraan pemegang sijil² yang tidak terator itu akan tetapi sijil² mereka telah di-batal dan mereka sendiri telah di-nasehatkan supaya memohon semula di-bawah mana² artikel yang berkenaan.

TANGKAPAN DI-BAWAH ORDINAN DHARURAT

38. Tuan Su Liang Yu minta kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan berapa orang yang telah di-tahan semenjak 13hb Mei, 1969 dan apa bangsa mereka; berapa orang di-bebaskan hingga Disember 1970; berapa orang di-bebaskan di-bawah sekatan² P.O.P.O.C. Bila Perintah Sekatan mereka akan berakhir dan kalau tidak, sila berikan sebab²-nya.

Tun Dr Ismail: Jumlah 13,128 orang telah di-tangkap di-bawah Ordinan (Ketenteraman

Awam dan Menchegah Jenayah) Dharurat No. 5/69 semenjak 13hb Mei, 1969 hingga 31hb Disember, 1970 seperti di-bawah ini:

Melayu	—	2,370 orang
China	—	7,973 orang
India	—	2,622 orang
Lain ²	—	163 orang

Jumlah:	13,128
---------	--------

Di-antara mereka itu seramai 3,230 orang telah di-bebaskan di-dalam tempoh yang tersebut.

Orang² yang di-kenakan perintah sekatan di-bawah Ordinan tersebut berjumlah sebanyak 177.

Tempoh Perintah Sekatan mereka ia-lah sa-lama tidak lebih daripada 2 tahun. Perintah Sekatan sa-saorang itu hanya boleh di-tarik balek sa-belom habis tempoh-nya jika di-dapati kelakuan-nya telah bertukar chorak dan suasana negara mengizinkan.

CHUKAI BERGANDA

39. Tuan Walter Loh Poh Khan minta kepada Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar yang kenaikan 2% chukai berganda (surtax) menyebabkan kebanyakan harga barang² di-naikkan dan orang² yang berpendapatan rendah menderita. Ini termasuk 102 jenis barang² yang beliau kenakan kenaikan chukai impot.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The 2% increase in the surtax is very small and therefore is not expected to result in any significant increase in prices. Generally, essential foodstuffs have low or no import duties. For instance, rice, fish and salt are not dutiable. Raw sugar imported by our domestic refineries is not liable to the 2% increase in surtax.

HUTANG² NEGARA—PEMBAYARAN

40. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana-kah beliau berikhtiar untuk membayar hutang² negara.

Tun Tan Siew Sin: (*Dengan izin*) The Federal Government's total outstanding debt at the end of 1970 is estimated at \$5,008.9 million, of which the foreign portion comes

to \$769.9 million. The domestic debt of \$4,239 million consists of \$760.8 million in short-term loans or Treasury bills and \$3,478.2 million in longer-term Federal Government bonds with original maturities of up to 20 years.

The individual Treasury bills or outstanding loan issues are repaid when they fall due. Repayments of Treasury bills are met from the Consolidated Fund whereas Government bonds are usually paid from sinking funds which have been built up over the years by appropriations from the Consolidated Fund. Direct allocations called "supplementary sinking funds" can also be made from the Budget.

Foreign borrowings consist of market and project loans. Repayments of sterling market loans are made from sinking funds. For all other market loans, there are no sinking funds and repayments are met from the Consolidated Fund. Repayments of project loans are made in accordance with schedules of amortisation payments specified in the loan agreements concerned. Allocations are made from the Budget for such amortisation payments as and when they fall due.

KILANG² PERUSAHAAN DI-LUAR BANDAR—PEMBANGUNAN

41. Tuan Walter Loh Poh Khan minta Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan dorongan² dan ranchangan² yang ada pada-nya untuk menarik perhatian pengusaha² supaya membangunkan kilang² perusahaan di-kawasan² luar bandar.

Tuan Mohamed Khir Johari: Insentiv² yang di-beri kepada ahli² perusahaan untuk menggalakkan sebaran perusahaan² ada-lah terchatet di-dalam Akta Galakan Pelaburan, 1968. Insentiv² yang di-beri kepada perusahaan² yang di-dirikan di-dalam Kawasan kurang maju ada-lah merupakan tambahan satu tahun lagi kechualian daripada pembayaran chukai untuk sharikat² yang di-beri taraf perintis atau tambahan sa-banyak 5% Kredit Chukai Pelaburan untuk sharikat² yang di-berikan Kredit Chukai Pelaburan.

Kawasan² kurang maju yang telah di-istiharkan oleh Kerajaan terdapat dalam negeri² Kedah, Perlis, Melaka, Kelantan, Pahang, Trengganu, Sabah serta Sarawak dan juga Kawasan Perusahaan Kamunting, di-Perak dan Kawasan Perusahaan Senawang, di-Negeri Sembilan.

Di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua, langkah² baru akan di-ambil untuk menggalakkan lagi sebaran perusahaan ka-kawasan² tersebut supaya lebih menarik kepada ahli² perusahaan. Di-antara-nya ialah:

- (i) Kerajaan mengambil bahagian yang lebih giat dan aktif;
- (ii) meluaskan perusahaan² kecil;
- (iii) mengadakan peruntukan kemudahan² "infrastructure" dan
- (iv) mengadakan ranchangan² latihan perusahaan yang sa-paroh-nya di-bantu oleh Kerajaan.

MAJLIS PENASIHAT BUROH BERSAMA KEBANGSAAN (NJLAC)

42. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Buroh boleh-kah beliau memberitahu Dewan ini sama ada Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan (NJLAC) masih wujud lagi, dan jika demikian, bilakah beliau berchadang hendak memanggilnya bermeshuarat dan bagaimana chara-nya beliau berchadang hendak memastikan bahawa pada masa² hadapan undang² mengenai buroh tidak di-perbuat tanpa melalui jentera NJLAC (Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan).

Tan Sri V. Manickavasagam: Badan Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan telah di-gantungkan sejak 1968. Kerajaan berchadang untuk menghidupkan-nya kembali dan sa-terus-nya meshuarat Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan akan di-adakan pada 29hb Mach, 1971. Ada-lah menjadi tujuan bahawa Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan akan di-berikan peluang, sa-bagaimana yang di-jalankan, untuk menasihati Menteri Buroh di-atas chadangan undang² buroh.

(Dengan izin) The machinery of the National Joint Labour Advisory Council has been in abeyance since 1968. The Government proposes to resuscitate (revive) it and accordingly the next meeting of the National Joint Labour Advisory Council is due to be held on 29th March, 1971. It is the intention that the National Joint Labour Advisory Council be given the opportunity, as practicable, to advise the Minister of Labour on proposed labour legislations.

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PINDAAN

43. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Kewangan boleh-kah beliau menimbangkan membuat pindaan² yang perlu terhadap Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja supaya lebih berguna kepada pencharum² (contributors).

Tun Tan Siew Sin: *(Dengan izin)* The Honourable member is a member of the EPF Board and I would suggest that he takes the initiative to bring before the Board whatever he has in mind so that the EPF Board, after due consideration, can submit their recommendations to me.

PENYATA SUROHANJAYA DI-RAJA GAJI GURU²

44. Tuan Yeoh Teck Chye bertanya kepada Menteri Pelajaran boleh-kah beliau memberitahu Dewan ini bila Kabinet di-jangka dapat menamatkan kajian-nya terhadap Penyata Surohanjaya di-Raja mengenai Perkhidmatan Guru di-Malaysia Barat dan juga dapat-kah beliau memberi jaminan bahawa salinan² penyata itu akan dapat diberikan kepada Kesatuan² sekerja guru² yang di-aku² dan pelaksanaan shor² Surohanjaya itu tidak akan di-lengah-lengahkan sa-telah terchapai suatu persetujuan antara Kesatuan² yang berkenaan dan Kementerian Pelajaran.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Kabinet belum lagi menerima laporan akhir Surohanjaya di-Raja Gaji Guru².

Salinan Laporan Surohanjaya itu akan boleh di-dapati oleh Kesatuan² Sekerja Guru² yang di-aku².

Pelaksanaan shor² Surohanjaya itu yang akan di-persetujui oleh Kerajaan tidak akan sengaja di-lengah-lengahkan.

PASOKAN BERSENJATA/POLIS—SHARAT² PERKHIDMATAN

45. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan sama ada syarat² perkhidmatan bagi pehak pasokan bersenjata dan polis diperbaiki lagi, memandangkan tugas² yang mereka jalankan.

Tun Dr Ismail: Berdasarkan kepada shor² satu Jawatan-kuasa Kerja, tangga gaji dan

elaun² bagi Anggota² lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia telah di-kaji semula dan di-laksanakan sejak Ogos, 1968.

Satu sekim untuk memperbaiki penchen dan lain² ganjaran Tamat Perkhidmatan bagi anggota² lain pangkat telah juga di-luluskan oleh Kerajaan dan kini sedang di-laksanakan.

Memandangkan kepada Laporan Suffian untuk Pekerja² Awam, perubahan kepada tangga gaji anggota lain² pangkat mungkin akan di-buat. Mengenai Pegawai² Angkatan Tentera Malaysia pula pertimbangan yang sama ada-lah di-buat untuk mengulang kaji gaji, penchen dan lain² ganjaran.

(*Dengan izin*) Based on the recommendations of a Working Party, the salary scales and allowances for the other ranks of the Malaysian Armed Forces have been revised and this revision has been implemented since August 1968. A scheme to improve the pension and other termination benefits for the other ranks has also been approved by Government and is now being implemented.

In the light of the Suffian's recommendations pertaining to the Civil Service, it might be necessary to adjust the pay scales of the other ranks. In so far as the officers are concerned, similar consideration is being given to review their pay, pension and other benefits.

RIOT SQUAD MENJAGA KETENTERAMAN AWAM

46. Tuan Goh Hock Guan minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan sama ada pehak Kerajaan akan menimbang dengan membenarkan pasokan Riot Squad menyurui dan mengendalikan sebarang rusohan yang di-lakukan oleh pehak awam daripada memanggil pasokan tentera yang mana mereka di-panggil dan di-tugaskan sa-masa berperang sahaja.

Tun Dr Ismail: Soal ketenteraman awam ada-lah tanggung-jawab pehak Polis. Tetapi jika pehak Polis memikirkan keadaan sesuatu peristiwa itu sangat buruk dan tidak dapat di-kendalikan oleh mereka, bantuan akan diperolehi dan pada Tentera. Ini berma'na persertaan Tentera ada-lah bergantung kepada "merit" (keadaan) sesuatu peristiwa. Oleh itu, saya tidak-lah dapat memberi akuan bahawa hanya Pasokan Penchegah Rusohan sahaja akan mengendalikan satu²

rusohan awam tanpa peperangan yang sangat hebat, kerana mungkin ada satu keadaan yang kurang daripada peperangan yang sangat hebat yang berkehendakkan bantuan Tentera.

USUL²

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

Menteri Buroh (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendak-lah di-teruskan sa-hingga tamat perbincangan atas Usul berkaitan dengan Titah di-Raja dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini, dan sa-lepas itu persidangan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 15hb Mach, 1971.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-luluskan pada hari Selasa, 23hb Februari, 1971, persidangan Dewan Ra'ayat hari ini hendak-lah di-teruskan sa-hingga tamat perbincangan atas Usul berkaitan dengan Titah di-Raja dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini, dan sa-lepas itu persidangan ini hendak-lah di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 15hb Mach, 1971.

UCHAPAN TERIMA KASEH KAPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula perbahathan atas Masa-alah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Ra'ayat menguchapkan berbanyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga." (11hb Mach, 1971).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin hendak menjawab sadikit pandangan² dan juga tegoran² yang di-datangkan oleh Ahli² Yang Berhormat terhadap dasar Kerajaan yang terkandung dalam Titah di-Raja yang telah di-binchangkan sa-lama tiga hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat ucapan saya, saya mohon izin, kadang² berchakap dalam bahasa Inggeris, supaya hendak memberi keterangan yang jelas di-atas perkara² yang saya hendak sebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sukachita bahawa dasar ekonomi baharu Kerajaan saperti yang terkandung dalam Titah di-Raja ini ada-lah mendapat pandangan yang sempurna daripada Ahli² Dewan ini. Saperti yang telah di-terangkan, tujuan dasar ekonomi ini ia-lah hendak menchipta satu masyarakat yang bersatu-padu, yang adil dan progressive di-kalangan penduduk² di-negara kita daripada berbilang bangsa. Akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya dukachita ada satu dua orang Ahli² Yang Berhormat yang barangkali tidak begitu faham atau pun sengaja tidak suka hendak memahamkan tujuan dasar ekonomi baharu Kerajaan ini, umpama-nya Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat, mendesak supaya Kerajaan hanya-lah memberi bantuan istimewa kepada orang² Melayu yang miskin dan tidak kepada pehak² yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa kita mustahak memberi bantuan kepada orang² Melayu yang miskin, akan tetapi dasar ekonomi Kerajaan ada-lah lebeh luas daripada itu, ia-itu kita berchadang hendak memberi pertolongan dan bantuan kepada semua gulongan ra'ayat yang miskin daripada berbilang bangsa, bahkan dasar kita ia-lah hendak memberi bantuan dan pertolongan kepada semua penduduk² negara kita yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka terangkan bahawa chara atau pun approach yang Kerajaan berchadang hendak gunakan untuk menchapai matlamat yang saya sebutkan itu. Yang pertama-nya, ia-lah Kerajaan hendak membasmikan kemiskinan daripada semua gulongan ra'ayat.

Yang kedua, hendak menyusun sa-mula atau pun "re-structure weakness in the society" dengan menjadikan masyarakat luar

bandar itu masyarakat yang moden dan maju dan juga membesar dan meluaskan lagi kema-juan² iktisad di-bandar² supaya dengan itu kita dapat mengadakan gulongan orang Melayu dan ahli² bumiputra yang lain yang sa-benar²-nya dapat mengambil bahagian dalam lapangan perusahaan dan perniagaan dalam semua bahagian, "in other words, we intend to create a Malay Commercial and Industrial Community in all categories at all levels".

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita hendak mengator sa-mula masyarakat atau ekonomi negara kita ini ia-lah supaya pembahagian pekerjaan itu tidak menurut kaum atau pun "to eliminate the identification of race with economic function". Ini berma'ana kita berchadang ia-itu orang Melayu dan ahli² bumiputra yang lain, yang sekarang ini tidak ada mempunyai bahagian dalam perusahaan dan perindustrian akan di-beri bahagian dalam perusahaan dan perdagangan supaya mereka itu terasa yang mereka itu ada mempunyai hak menjadi "entrepreneurs" dan menjadi orang² yang mempunyai perdagangan atau pun "owners of business" atau peng-usaha² dan bukan sahaja menjadi pekerja². Ini-lah tujuan Kerajaan dan saya perchaya jika dasar ini dapat di-laksanakan dan jika tujuan Kerajaan ini dapat di-laksanakan, Kerajaan akan dapat membena satu masyarakat yang adil dan bersatu-padu saperti yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam dan juga Ahli Yang Berhormat dari Jerai ada bertanya sama ada Kerajaan telah mengadakan ranchangan melalui Badan² saperti EPU, FIDA, MIDFL, MARA, PERNAS dan juga Badan² yang lain; ranchangan² bagi hendak menubuhkan gulongan orang² Melayu dan ahli bumiputra yang lain dalam lapangan perusahaan dan perniagaan. Saperti yang telah di-terangkan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua kita, dasar Kerajaan untuk hendak menchapai matlamat ini ada-lah terchatet di-situ dan Kerajaan telah pun menyediakan ranchangan² bagi hendak mewujudkan gulongan Melayu dan juga ahli² bumiputra yang lain dalam lapangan perniagaan dan perusahaan. Ranchangan² ini sama ada ranchangan jangka panjang dan juga jangka pendek. Jadi, ranchangan² ini termasuk-lah peluang² dalam perusahaan², termasuk perusahaan manu-facturing dan juga perusahaan construction

dan service industries, dan kita akan mengadakan latihan² supaya mereka itu dapat mengambil bahagian dalam perusahaan mendirikan rumah² dan juga bangunan² yang lain dan dengan ini dapat-lah mereka itu mengambil bahagian dalam perusahaan pembangunan rumah² dan juga bangunan² yang lain yang di-jalankan oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat ada bertanya, apakah rancangan Kerajaan hendak mengatasi masalah unemployment atau penganggoran di-dalam negara kita ini? Tuan Yang di-Pertua, penganggoran ini ada-lah satu masalah yang rumit yang kita sedang hadapi dalam Rancangan Lima Tahun Yang Pertama atau pun First Malaysia Plan. Iktisad negara kita telah maju dengan pesatnya dan kita telah mengadakan peluang² bekerja dengan banyak-nya, akan tetapi peluang² bekerja ini belum-lah dapat menchukupi dengan kehendak ra'ayat negara kita atau pun belum menchukupi dengan bilangan² ra'ayat yang berkehendakkan pekerjaan dan begitu juga-lah pada masa ini kita ada mempunyai masalah penganggoran yang agak besar dan banyak belia² terutama sa-kali yang belum mendapat pekerjaan.

Dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua Kerajaan akan berchadang hendak mengadakan peluang² bekerja dengan lebih luas lagi dan kita harap sa-bahagian daripada belia² yang berkehendakkan pekerjaan akan dapat di-beri pekerjaan, akan tetapi, Tuan Yang di-Pertua, masalah ini di-fikirkan ta' dapat di-atasi dalam jangka pendek, akan tetapi dalam jangka panjang harapan ada-lah baik untuk kita mengatasi masalah penganggoran ini dan memberi peluang bekerja dengan sa-penoh²-nya kepada ra'ayat di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu ada bertanya apa-kah kejayaan yang telah di-chapai bagi meninggikan taraf hidup penduduk² di-negara kita ini terutama penduduk² di-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menerangkan dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, the standard of living in this country has progressively been raised through a general advancement of the economy through the development of agriculture, industry, transport and communications, utilities and services and the total value of output of goods and services produced in the

country increased at the rate of 6.1% per annum during the last decade.

With the population growing at the rapid rate of 3% per year, per capita income rose from about \$800 in 1960 to about \$1,080 in 1970—an increase of more than a third during that period. This increase in per capita income is reflected by higher per capita consumption. For example, per capita consumption of meat and fish rose from \$65 to \$94 between 1960 and 1970. In 1960 there were, on the average, 57 persons for each private motor-car and 36 for each wireless set, whereas in 1969 there were 20 persons per private motor-car and 35 persons per wireless set. Special attention, Sir, has been given towards raising the standard of living of the people in the rural areas, such as, through new land development, drainage and irrigation, rubber replanting, livestock and fishery development as well as through the provision of improved marketing and credit, transport, health and educational facilities in the rural areas.

To give some figures, by 1970, FLDA has developed about 308,000 acres and settled 22,000 families on 90 land schemes. Through double-cropping and through the application of better varieties of fertilizers, rice production rose by about 5% per annum during 1960 to 1965 and by 7.6% per annum from 1965 to 1970. Through replanting and new planting, smallholder output of rubber rose by about 5% per annum during 1960 to 1965 and 12.6% per annum from 1966 to 1970. Fish landing expanded also at about 7.5% annually during 1960 to 1965 and 11.5% from 1965 to 1970. Now, on the whole, agricultural production increased on an average of 4.8% per annum from 1960 to 1965 and 9.6% from 1965 to 1970. The growth of manufacturing output was even faster, rising at about 11% per annum during the decade. So, it can be seen, Sir, that the progress that we made during the last decade has been tremendous in all fields, and the standard of living has certainly gone up.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka sekarang ini menerangkan berkenaan dengan langkah² yang telah di-ambil oleh Kerajaan untuk hendak menchegeh berlaku-nya banjir di-negara kita saperti yang berlaku baharu² ini pada bulan Januari yang lalu. Saya dengar ada beberapa Ahli Yang Berhormat terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara yang telah menyebutkan

perkara ini dan seperti yang saya telah terangkan lepas berlaku-nya banjir tahun 1967, Kerajaan telah mengambil langkah menjemput pakar² dari UNESCO dan juga dari Canada untuk memberi nasihat atas langkah² yang patut di-ambil dalam hal ini. Begitu juga Kerajaan telah melantik dua Jawatan-kuasa, satu Jawatan-kuasa yang di-namakan Water Resources Committee ia-itu Jawatan-kuasa yang bertugas untuk mencari ikhtiar² supaya kuasa ayer dapat di-gunakan untuk kemajuan negara dan bukan-lah di-biarkan memusnahkan harta benda ra'ayat. Dan yang kedua-nya jawatan-kuasa khas bagi menche-gah banjir. Jawatan-kuasa ini ada-lah bertugas bagi mencari ikhtiar² supaya benchana banjir itu dapat di-kawal. Kalau banjir itu tidak dapat di-che-gah terus semua sa-kali sa-kurang²-nya dapat di-kurangkan benchana-nya jikalau banjir itu berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Ibu Kota kita Kuala Lumpur, pihak Jabatan Parit dan Taliayer telah membuat anggaran sa-banyak \$50 juta bagi di-gunakan untuk meluaskan dan mendalamkan lagi sungai² yang mengalir di-bandar Kuala Lumpur. Dan di-fikirkan kalau ranchangan ini dapat di-jalankan ayer hujan yang banyak seperti keadaan banjir pada bulan Januari tahun ini akan dapat di-alirkan keluar, akan tetapi tentu-lah ranchangan ini tidak dapat di-jalankan dengan serta-merta terpaksa-lah berjalan beransor². Begitu juga di-Johor, Kerajaan Johor telah membuat anggaran sa-banyak \$200 juta lebih sedikit dari \$200 juta untuk hendak menche-gah banjir terutama sa-kali dalam kawasan Batu Pahat. Ranchangan ini juga terpaksa di-jalankan dengan chara beransor².

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian Ahli² Yang Berhormat tentu faham bahawa langkah² dan usaha² sedang di-jalankan untuk hendak menche-gah banjir ini dan chara² yang di-jalankan ta' dapat tiada akan mengambil masa yang lanjut sedikit dan kita harap ranchangan² ini akan dapat di-mulakan dengan serta-merta supaya seperti saya katakan tadi kalau pun kita tidak dapat pertahankan banjir itu semua sa-kali, kita dapat kurangkan benchana. Akan tetapi saya suka sebutkan di-sini bahawa sama ada kita dapat melaksanakan ranchangan² ini ada-lah bergantung kepada kewangan dan saya di-beritahu ranchangan² yang di-kehendaki bagi mengatasi masaalah ini akan memakan belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut sedikit berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat. Perkara ini kerap kali telah di-bawa dalam Dewan ini berkenaan dengan Menteri², Ahli² Dewan Ra'ayat, Ahli² Dewan Undangan Negeri supaya di-kehendaki mereka itu mengumumkan atau declare harta benda mereka itu sa-belum memegang jawatan dalam Kerajaan. Berhubung dengan perkara ini langkah² telah di-jalankan semenjak merdeka dahulu dan telah menjadi peratoran bagi Menteri², termasuk Menteri Muda mengumumkan atau declare harta benda mereka itu kepada Perdana Menteri. Peratoran yang tetap ini terus berjalan dan semua Menteri, Menteri Muda, Setiausaha Parlimen, atau Setiausaha Politik di-kehendaki membuat pengumuman tersebut kepada saya. Peratoran² yang sama tidak-lah mustahak di-kenakan kepada Ahli² Parlimen biasa atau Ahli² Dewan Negeri oleh kerana undang² yang sedia ada ini memada'i untuk membolehkan pihak Badan Penche-gah Rasuah mengambil tindakan di-atas sa-siapa juga di-antara mereka yang menyalah-gunakan kuasa mereka itu dan melakukan perbuatan² rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Miri-Subis ada mendesak Kerajaan supaya kita mengadakan dasar berbaik² dengan negeri Brunei. Saya suka terangkan di-sini ia-itu dasar kita ia-lah hendak berbaik dengan semua negara jiran termasuk-lah negeri Brunei dan I would like to say here that the Government will always regard its relations with Brunei in the most cordial term and the Government always realises that Brunei being the closest neighbour to the States of Sarawak and Sabah that co-operation in all fields should continue as in the past.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara memberi nasihat kepada Kerajaan supaya jangan terlampau memihakkan ka-kiri dalam perhubungan-nya dengan negara² komini supaya jangan akhirnya apa yang di-chari kata-nya tidak dapat dan apa yang ada akan hilang. Saya mengucapkan terima kasih di-atas nasihat Ahli Yang Berhormat itu dan Kerajaan sentiasa-lah berwaspada atas hal ini demi kepentingan negara dan keselamatan Asia Tenggara seluroh-nya.

Ahli Yang Berhormat juga ada berkata ia-itu pendirian Kerajaan terhadap Israel mesti-lah sa-imbang dengan sikap Kerajaan

terhadap Africa Selatan. Kerajaan harus-lah lebih tegas menyokong negara² Arab dalam soal ini. Saya mengucapkan terima kasih atas pandangan ini juga dan sokongan Malaysia terhadap perjuangan negara² Arab berkaitan dengan soal Palestine ada-lah tegas dan tidak berbelah bagi. Kita telah memainkan peranan yang penting dalam lapangan ini di-kalangan antara-bangsa dan juga lain². Kita sangat berdukachita bahawa perkembangan terakhir dalam soal ini telah menempohi jalan buntu di-sebabkan kedegilan pehak Israel menjalankan chengkaman-nya ta'alok mereka di-tanah Arab itu.

Kerajaan berpendapat bahawa Republic Arab Bersatu telah menunjukkan sikap yang positif yang di-sokong oleh kebanyakan negara² di-dunia yang memerlukan keamanan. Israel mesti-lah undor kapada sempadan-nya sa-belum peperangan dunia 1967 dan bekerjasama dengan wakil Pertubohan Bangsa² Bersatu untok menchapai keamanan di-Timor Tengah dan pehak Kerajaan kita mendesak kuasa² besar terutama sa-kali Amerika Sharikat supaya mempengaruhi Israel supaya bersikap lebih positif demi kepentingan keamanan Timor Tengah, dan dunia 'am-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga mendesak supaya Kerajaan menyokong liberation movement such as those that existed in Rhodesia and South Africa. Saya suka menerangkan di-sini bahawa memang-lah menjadi dasar kita menyokong.

We recognised and we supported the right and the legitimacy of the struggle of the oppressed people of South Africa and Rhodesia against the policy of apartheid and racial discrimination in order to realise their human rights and their human freedom. Malaysia has, among other things, demonstrated her political and moral support in the United Nations by supporting the General Assembly Resolution 1761 at the 1962 meeting and also the Security Council Resolution 181 of 1963 and Resolution 191 of 1964 appealing to all States to impose an arms embargo on South Africa; and also at the recent Non-Aligned Conference in Lusaka, we supported the Resolution on racial discrimination.

Also, Sir, the Honourable Member for Dato Kramat called on the Government not to remain indifferent to North Viet-

nam and North Korea and advocated the establishment of diplomatic relations with these countries.

Now, Sir, I would like to explain that the question of establishing diplomatic relations with any particular country relates to a number of important matters particularly those concerning such questions as respect for each other's territorial integrity and sovereignty and also willingness to live in peaceful co-existence. At this juncture, therefore, the Government considers it not appropriate to establish diplomatic relations with either North Vietnam or North Korea.

Now, the Honourable Member for Batu also called on the Government to oppose the regimes of South Africa and Rhodesia. This I have explained.

The Honourable Member for Batu also called on the Government to abandon what is called a "Two China" policy. He said the Government should be more realistic and adopt a "One China" policy as the People's Republic of China is the only country that can represent China.

Sir, I would like to explain the policy of the Government on this very carefully, and I would like to stress once again that we are prepared to enter into diplomatic relations with any country that accepts the principle of peaceful co-existence and non-interference in our internal affairs and respects our sovereignty and territorial integrity. On our part, as far as China is concerned, we have taken note of the fact that the Chinese People's Republic is the *de jure* and *de facto* Government on the Mainland of China and, recognising her status as a super-power, we have advocated her admittance into the United Nations where she can be allowed to play a more meaningful and responsible role compatible to her status as a major power. However, despite this friendly attitude on our part, China still has yet to recognise us as Malaysia and has given no indication that she is prepared to abide by the internationally recognised principle which I have just mentioned.

Now, as far as Taiwan is concerned, we do not recognise her, nor do we accept her claim that she represents the people on the Mainland of China as well. Our stand on

Taiwan has been that the principle of self-determination should be extended to the people of Taiwan. After all, Taiwan has a population of eleven million people—more than we in Malaysia have. Now, from the foregoing, it can be seen that we are not pursuing a “Two China” policy, as alleged by the Honourable Member for Batu. We have made significant adjustment in our policy towards China, and I am sure that those have been noted by the Government of the People's Republic of China.

Once diplomatic relations are established, then contacts between the two countries will, of course, increase, but until such time we will have to maintain the present rules governing contact with China—for instance, those regulating travel to China, except, of course, on special circumstances such as medical treatment. As I have said, Sir, we do not have diplomatic relations with the People's Republic of China at the moment and that is why we must continue to impose travel restrictions, but we are prepared to relax them in exceptional cases, such as travel in connection with medical treatment.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir ini-lah sahaja perkara² yang saya suka hendak jawab dengan pandangan² Ahli² Yang Berhormat, dan rakan² saya akan menjawab perkara² yang berkaitan dengan Kementerian masing² dan sa-belum saya dudok, saya suka-lah mengambil peluang ini sa-kali lagi menguchapkan terima kaseh kapada Ahli² Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kapada dasar Kerajaan yang baharu yang terkandung dalam Uchapan di-Raja.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang bagi menjawab perkara² yang di-bangkitkan oleh Ahli² Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan ada membawa perkara berkaitan dengan Pusat Latehan Belia dan Pembena Negara di-Dusun Tua dan supaya jangan bangkit kebimbangan di-kalangan Ahli tersebut dan juga Ahli² Yang Berhormat Dewan ini dan supaya jangan timbul gambaran bahawa Pusat Latehan ini sa-lama ini ada-lah tidak menchapai matlamat atau pun objective yang telah di-adakan Pusat² Latehan ini. Saya suka mengambil peluang di-sini mem-

beri sedikit penjelasan atas perkara² yang di-bangkitkan dengan Pusat² Latehan ini. Sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum kedua² Pusat Latehan ini ia-itu Pusat Belia Pelupor dan Pembena di-Dusun Tua telah di-tubuhkan dengan tujuan supaya belia² yang tidak mempunyai pekerjaan dan tidak berpeluang mendapat latehan di-tempat² latehan yang lain dapat di-beri latehan dalam perkara² bukan sahaja bertujuan mengwujudkan sa-bilangan belia² yang saya rasa berdiscipline yang mempunyai semangat ia-itu jayadiri, bahkan juga yang telah menjalankan beberapa chara latehan kemahiran dalam beberapa jurusan yang saya rasa cukup padat, cukup penoh, cukup memuaskan bagi memperbaiki peluang mereka memperolehi pekerjaan² dengan Kerajaan atau badan² suwasta atau pun menjalankan pekerjaan atau pun perusahaan-nya sendiri. Dari hasil daripada latehan² di-Pusat ini tidak-lah sa-bagaimana barangkali yang di-ramalkan oleh sa-tengah orang² sa-bagai tidak berjaya. Sa-balek-nya kita telah dapat mengeluarkan ramai bilangan belia yang telah menjalani berbagai² chara latehan yang membena dari segi akhlak, jasmani, sa-bagai latehan tatatertib, latehan tata-negara atau pun civic, latehan bekerja gotong-royong, membersehhkan kawasan² bukan sahaja kawasan² di-dalam kawasan tempat latehan-nya, bahkan juga di-kawasan² di-luar kawasan tempat latehan-nya sa-bagaimana di-buktikan pada masa sa-lepas banjir dahulu dalam mana ramai bilangan pelatih² di-Dusun Tua ini telah keluar beramai² membersehhkan kawasan² bandar, kawasan² kampung yang telah di-datangi oleh banjir baharu² ini. Di-sini juga di-adakan latehan jasmani atau pun physical training yang sangat² saya rasa berfaedah kapada belia.

Sa-lain daripada itu, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum banyak pula daripada belia² yang telah memperolehi pengetahuan atau kemahiran di-dalam berbagai² ilmu atau perkara kemahiran sa-lepas menjalani kursus latehan kemahiran sa-lama 18 bulan ia-itu sa-lepas mereka menjalankan latehan jasmani, tata-tertib, tata-negara sa-lama tempoh enam bulan. Jadi untuk menerangkan chara² latehan sa-bagaimana yang telah di-persoalkan oleh sa-orang Ahli Yang Berhormat pada masa soalan tadi kursus² latehan yang di-jalankan ada-lah memperbaiki jentera sama ada motokar atau pun lori, generator, motosikal, welding,

membaiki radio dan talivishen, kursus electronic, pendawaian electric, jahit-menjahit, bena-membena bangunan termasuk membuat perabot rumah, memandu dan membaiki jentera bajak pertanian termasuk juga ekonomi pertanian.

Bilangan yang maseh tidak mempunyai kerja sa-lepas mengadakan berbagai² chara kursus latehan ini tidak-lah begitu ramai sa-bagaimana yang di-ramalkan oleh sa-tengah² Ahli Yang Berhormat di-sini dan juga orang² yang berada di-luar Dewan ini, kerana saya rasa bilangan yang telah bekerja sa-lepas berlateh ada-lah lebeh² ramai lagi daripada bilangan yang maseh lagi tidak bekerja. Ini di-buktikan dengan angka² yang berikut yang ada di-dalam rekod Kementerian saya. Daripada jumlah 8,767 orang yang di-lateh 6,171 orang daripada belia yang telah di-lateh itu telah mendapat pekerjaan ia-itu 1,359 orang daripada Angkatan Belia Pelupor Negara dan 4,812 orang daripada Angkatan Belia Pembena Negara. Jadi, baki-nya sa-tengah²-nya ada meneruskan latehan-nya di-pusat latehan perusahaan. Sa-tengah-nya ada berlateh juga di-pejabat² sa-macham Pejabat Ukor (Survey) dan daripada jumlah ini juga ada juga yang menunggu untuk di-temu-duga atau menunggu keputusan temu-duga. Jadi, dari itu jelas tidak kurang daripada 90 peratus daripada belia² yang telah tamat latehan-nya telah pun mendapat pekerjaan sama ada dengan pekerjaan sama ada dengan pehak Kerajaan atau pun dengan pehak suwasta atau dengan menjalankan pekerjaan bersendirian.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak menafikan kita ada menghadapi masalah untuk menchari pekerjaan bagi pelateh² kerana berbagai² sebab yang di-luar kuasa Kementerian saya. Tetapi saya suka-lah menyatakan di-sini bahawa kami pehak Kementerian sentiasa menchari ikhtiar, menchari jalan untuk mengatasi masalah² ini. Umpama-nya berunding dan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri memileh dan menghantar belia² yang telah di-sediakan kerja di-negeri² ka-Pusat Latehan di-Dusun Tua. Berhubung dan juga berunding dengan Kementerian yang lain sa-bagai Kementerian Buroh, Kementerian Kesihatan dan lain² dan juga badan² yang lain sa-umpama MARA. Di-sini saya suka menyatakan MARA pun telah menghantar 9 orang daripada yang telah lulus itu belajar keluar negeri. Begitu juga

kita berhubung rapat dengan badan saperti FLDA atau LKTP pun telah baharu² ini berjanji mengambil 80 orang daripada pelateh² ini untuk di-beri pekerjaan di-tempat tanah atau tanah² ranchangan, tanah² Ranchangan LKTP. Badan Keretapi pun ada bekerjasama dengan kita, Pesuruhjaya Perbandaran Kuala Lumpur dan juga badan² suwasta supaya memberi kemudahan atau pun latehan lanjutan kepada belia yang tamat latehan.

Dan berkenaan pehak suwasta saya suka-lah menyatakan di-sini bahawa bilangan belia² yang di-ambil bekerja oleh pehak suwasta tidak-lah begitu memuaskan. Mengikut rekod yang ada pada saya daripada 6,771 yang telah di-beri kerja chuma 470 orang sahaja daripada belia itu telah diterima untuk bekerja oleh pehak suwasta. Ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi ada-lah tidak memuaskan dan saya berharap-lah pehak yang berkenaan dari kalangan suwasta, orang² yang berpengaroh di-kalangan suwasta macham Ahli Yang Berhormat wakil dari Kuala Selangor, yang saya tahu ada-lah berkechimpong sangat dalam lapangan perniagaan, perusahaan yang berhubung rapat dengan suwasta menolong pehak Kerajaan mengatasi masalah kekurangan pekerjaan ini dan memberi peluang kepada belia² yang telah tamat daripada latehan di-pusat latehan² ini.

Kementerian saya juga, Tuan Yang di-Pertua, sedang mengkaji akan kedudukan Pusat Latehan Dusun Tua dengan tujuan supaya yang ia betul² menemui matlamat yang kita tuju² yang sesuai dengan perubahan yang berlaku dari satu masa ka-satu masa yang sesuai dengan perubahan dengan berbagai² dasar baharu yang telah di-adakan oleh Kerajaan dan berhubung dengan membincangkan dengan Kerajaan² Negeri, Kementerian² dan badan² yang lain yang juga mempunyai ranchangan² belia untuk supaya ranchangan masing² tidak berchang-gah di-antara satu sama lain, tetapi kalau boleh selaraskan dan bantu-membantu di-antara satu sama lain supaya matlamat atau pun objective sama yang utama ia-itu mengatasi dengan lebeh berkesan masalah penganggoran dari kalangan belia sama ada bandar atau pun luar bandar itu boleh kita sama² atasi dengan memuaskan.

Kerajaan ini menentukan kepada masalah mutu latehan kemahiran yang di-jalankan di-Dusun Tua supaya latehan² yang di-jalankan sekarang akan bertambah luas

dan bertambah lagi mutu-nya pada masa² yang lepas. Saya ada dengar daripada pehak Suwasta memberi satu alasan mengatakan oleh sebab yang mereka itu tidak mengambil belia² daripada Dusun Tua ini ia-lah kerana mutu latehan kemahiran yang di-jalani, di-latehi, di-perolehi di-pusat ini tidak-lah begitu tinggi. Saya berasa berpendapat mutu latehan tidak-lah begitu kurang, pendek kata tempoh latehan di-sini ada-lah lebeh² lama lagi daripada latehan² kemahiran yang diadakan di-tempat² lain dan chara² jurusan latehan itu ada-lah lebeh² baik daripada tempat² yang lain, dan saya rasa peluang patut-lah di-buka, di-beri lebeh banyak lagi kepada pehak² suwasta untuk belia² ini memulakan pekerjaan kemahiran-nya di-tempat²-nya masing².

Saya tidak mahu berkata di-sini keadaan chara latehan di-Dusun Tua itu 100 peratus kemas, baik atau pun perfect, saya mengaku barangkali ada kekurangan, kelemahan di-sana sini, tetapi yang saya akui kelemahan ini akan di-perbaiki, akan di-perelokkan, tetapi dalam pada itu charaan-nya saya berpuas hati bahawa pusat ini telah banyak menepati matalamat², objective² yang kita tujukan dengan mengadakan pusat latehan ini ia-itu untuk memberi latehan² belia membena yang latehan² kepada belia di-dalam perkara² yang membena seperti mana saya sebutkan tadi di-bidang akhlak, disiplin dan lain²-nya supaya mereka boleh menjadi ra'ayat yang bersungguh² berguna pada negara.

Yang kedua, matalamat yang penting juga ia-itu membaiki peluang belia² ini memperoleh pekerjaan apabila tamat di-Pusat Latehan Belia ini.

Saya suka juga, Tuan Yang di-Pertua, menyentoh tegoran Yang Berhormat Wakil daripada Dato Kramat yang menyatakan sa-lama ini Kerajaan tidak mengambil tindakan langsung menahan tumbuh-nya badan² sokan yang bersifat perkauman. Sebagai penjelasan, saya suka-lah menyatakan bahawa Kerajaan terutama-nya tidak ada kuasa bagi mengadakan pertubohan kerana kepada Kerajaan berbuat demikian, saya rasa ada-lah Kerajaan menyalahi fasal dalam Perlembagaan di-mana tiap² ra'ayat itu berhak mengadakan kumpulan, dalam pada itu suka memberi penjelasan bahawa semenjak terchapai-nya kemerdekaan kurang benar tumbuh-nya badan² sukan sa-chara perkauman, ada tidak ada pun kelab² sukan sa-macham ini ada-lah kelab²

sokan yang telah munchol sa-belum kita chapai kemerdekaan dan kelab² sa-macham ini pun saya tahu sekarang ini terbuka pintu-nya kepada ahli² yang terdiri dari berbagai² kaum. Dan sa-lama ini badan² sokan yang terkemuka dalam negeri ini adalah di-pimpin oleh Menteri² dalam Kerajaan dan juga pegawai² Kerajaan yang selalu menyeru, meminta kepada pertubohan² sokan ini supaya tidak mengadakan peratoran dalam mana satu kaum sahaja di-galakkan menjadi ahli di-dalam pertubohan itu. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak menjawab dua perkara yang telah di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Yang pertama ia-lah chadangan yang di-kemukakan oleh wakil daripada Seberang Selatan supaya pekebun² kechil di-galakkan menubuhkan sharikat kerjasama. Saya ada-lah bersetuju dengan shor ini bahkan Jabatan Kemajuan Kerjasama telah pun mula² menasihatkan atau menggalakkan pekebun² kechil untuk menubuhkan sharikat² jenis ini supaya mereka mendapat kemajuan yang lebeh banyak dalam usaha mereka membuka tanah² baharu atau menanam pokok getah sa-mula.

Sa-lain daripada itu Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengecham dengan hebat-nya kemajuan Sharikat Permodalan Tanah Kebangsaan Berhad—National Land Finance Co-operative Society. Di-sini saya suka menjawabkan bahawa sharikat ini yang sa-benar²-nya telah menchapai kemajuan yang chemerlang, bilangan ahli telah meningkat kepada 60,393 orang dan modal bahagian yang ada sekarang berjumlah \$12.3 juta. Sharikat ini telah membeli 18 buah ladang sa-luas 29,299 ekar semua-nya bernilai \$32.9 juta. Keuntungan juga telah di-bayar kepada ahli² seperti berikut:

1961	...	...	4%
1962	...	...	5%
1963	...	...	5%
1964	...	...	6%
1965	...	...	7%
1966	...	...	7%

1967 tidak ada keuntungan di-bayar kerana kemerusutan harga getah, dan tahun 1968 faedah di-bayar 7% dan tahun 1969 meningkat lagi kepada 8%.

Bilangan pekerja² sharikat ini termasuk kaki-tangan di-pejabat ia-lah 4,423.

Beliau juga membuat tuduhan bahawa pengurusan dan pentadbiran ini tidak memuaskan dan kechurangan telah berlaku dan telah berchadang satu surohanjaya menyiasat di-bentok untuk menyiasat tuduhan² itu. Saya berpendapat tidak ada apa² perasaan tidak puas hati di-kalangan ahli² Sharikat Kerjasama Pemodal Tanah Kebangsaan di-atas pengurusan-nya.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I am sure that most of the Members of this House including Members of the Opposition would agree with me that the disparaging remarks made by the Member for Dato Kramat on the health services of this country are unfair and exaggerated. This country has a tradition of health services which have been the envy of many developing countries in this area. This is particularly true of the post-Merdeka period when the Government embarked on an ambitious, unprecedented and realistic programme on modernisation, expansion and consolidation of the services. For the benefit of this House, I present the following facts and figures which speak for themselves and need no further elaboration:

- (1) The crude death rate which was 12.4 per thousand population in the year 1957 now stands at 7.6 per thousand population.
- (2) Similarly, the infant mortality rate which was 75 per thousand live birth in 1957, now stands at 42 per thousand live birth.
- (3) The maternity death rate which was 3.2 per thousand live birth in 1957, is now 1.69 per thousand live birth.

These figures, Mr Speaker, Sir, glaringly contradict the statement made by the Honourable Member for Dato Kramat that there has not been drastic improvement made in this country. In 1957, we had only 172 doctors, 56 specialists, 990 nurses, 1,082 assistant nurses and 895 midwives. Today, we have 668 medical officers, 105 specialists, 2,379 nurses, 2,297 assistant nurses and 1,992 midwives.

Now, the increase in every case is manifold. In fact, this House will be pleased to know that life expectancy at birth which was only 55.7 years for males and 58.2 years for females in 1957, is now 63.7 for males and 66 for females, or to put it in another way, Mr Speaker, Sir, the Honourable Member particularly for Dato Kramat can now expect to enjoy life for many more years to come. By right he should be grateful—I am glad the Honourable Member is back here—he should be grateful to the Alliance Government as a whole and thank particularly all the doctors, all those who look after the good health of the people of this country—not condemn them.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir unfortunately I have never been into the “slaughter houses”.

Tan Sri Haji Sardon: You can say anything under the sun—I am supplying the facts and figures.

Dato' K. M. James Wong: Sir, could the Honourable Minister repeat the life expectancy of males and females.

Tan Sri Haji Sardon: Mr Speaker, Sir, I shall repeat again for the purpose of every Member of the House—to enjoy more life. This House would be pleased to know that life expectancy at birth which was only 55.7 years for males and 58.2 years for females in 1957, is now 63.7 for males and 66 for females. Have you got it now?

Dato' K. M. James Wong: Sir, could the Honourable Minister explain to the House why is that females enjoy a longer life than males?

Tan Sri Haji Sardon: I think the Honourable Member for Miri-Subis works so hard whereas usually the wife stays at home. This is the average anyway. (*Ketawa*).

Mr Speaker, Sir, the medical and health facilities in Malaysia have increased beyond all expectations. In 1957, there was a total of 20,337 hospital beds, and today there are 27,924 beds. There were only 8 main centres, no sub-centres and no midwife clinics in 1957, but now we have 44 main centres, 180 sub-centres and 943 midwife clinics established all over the rural areas. It can virtually be said that the medical and health services have been brought to the door-steps of our rural population in view of my energetic efforts, with all my senior officers, to give at least one Land-Rover to a sub-centre and two Land-Rovers, of which one can be converted as an ambulance, to the full health centres. If this is not service to the people, what is? The Member for Dato Kramat will answer that to satisfy the 2½ million people who are served by these services in the rural areas.

Honourable Members of this House, I am sure, are aware of the fact that I have personally visited all the hospitals throughout the country, including East Malaysia—all the health centres, all the sub-centres and all the midwife clinics, not once, not twice, but many times in order to satisfy myself that the services are running efficiently. In fact, I hope next time I visit Penang, the Honourable Member for Dato Kramat does not run away (*Ketawa*)—I will invite him to come along to see my hospital. I have personally impressed my officers on the ground of the need of providing efficient and courteous services to the patients, but the public must be aware of the ever-increasing burden of my field officers. Admission into the hospitals has risen from 271,490 in 1957 to 492,891 today—an increase of over 80%. The Honourable Member for Dato Kramat was complaining of out-patients. Now I can quote him—but he is not here to listen to these statistics here—the figures. Out-patients in hospitals have increased from 3.67 million to 10.1 million—an increase of almost 300%. In spite of the shortage of doctors and all the other para-medical staff, we are doing our best. All the staff and the doctors deserve all the praises, all the kind words, not condemnation.

Mr Speaker, Sir, on his reference that some hospitals are comparable to slaughter houses, I do not know what he meant by “slaughter

houses". I should like to say that the statement is too general and sweeping to be worthy of much comment. I do not know whether he goes to hospital to be slaughtered. I hope when he goes into hospital, he will come out with better health and stouter because we feed him and we look after him well. If he ever gets ill, probably he does not want to go to a hospital; he wants to go to a private hospital. That is better to give chances to others who cannot afford to go to private hospital. Those who can afford, have their choice to go to England, America or anywhere in the world for that matter.

However, the Honourable Member has also pointed out the fact that there are long queues at the out-patients' departments of our hospitals. Does the Honourable Member mean to say that our clear-thinking and sensible public are willing to form long queues in the out-patients' departments if our hospitals are like slaughter houses? On the issue of long queues and long hours of waiting at the out-patients' departments, this problem can be resolved if members of the public who can afford the services of private practitioners go to them instead. Such long queues are common only during the opening hours of the outpatients' departments, and if the public would stagger their times of attendance, such queues could be avoided. However, my Ministry has taken positive steps to resolve this problem by the decentralisation of the out-patient services in the larger towns of the country. The first two have already been established in Ipoh Road and in Setapak in Kuala Lumpur. The Penang McAlister Road out-patients' department will be enlarged and other decentralised out-patients' clinics will be established in the near future. Similar measures will be taken in other busy or bigger towns.

It has been stated by the Honourable Member that some doctors, especially foreign doctors, do not examine the patients but act more or less as interrogating officers. I am surprised at the ignorance of the Honourable Member for Dato Kramat, that the taking down of the past medical history of a patient is an important part in the medical examination of the patients. Mr Speaker, Sir, we should be grateful for the services of the foreign doctors who have left their comfortable homes to help us out in our time of need, but not to make a general

and sweeping statement. Sa-patah kata orang Melayu: "Sebab nila sa-titek, rosak susu sa-belanga".

If the Honourable Member for Dato Kramat will give me the name and the particulars of this particular doctor—do not mention he is a foreign doctor, even our own doctors too misbehave—we will see to it and we will inquire into the whole aspect of the case. But do not make general accusations. I am sure the foreign friendly countries who have offered their doctors generously to help our people, because we are short of doctors in the meanwhile, will feel very annoyed, and this is not the attitude if we want co-operation from all the world and the friendly countries. If the Honourable Member for Dato Kramat has a specific complaint against any particular doctor, I would assure him of a thorough investigation into such a complaint and proper action will be taken if the doctor, or for that matter, any member of the medical services in any hospital or any department, is found to be wanting.

The Honourable Member has said that he would like the abolition of ward classification, as ward classification, in his opinion, is a relic of the colonial era and that there should be classless wards and wards set aside for particular diseases and sicknesses. I would like to remind the Honourable Member that we are living in a democratic country, and classification of wards are far from being a relic of colonialism. The classification of wards, Sir, is a real and practical solution in meeting the wishes and the demands of the public for services in accordance with their ability to pay. I must emphasise that the foremost purpose of a hospital is to provide medical attention. The differentiation in class of wards does not apply to the standard of medical treatment and the medical facilities given to patients. All patients, irrespective of the class of wards they are in, are given the due medical attention and treatment they require.

Mr Speaker, Sir, I return to the question raised by the Honourable Member for Batu on the question of environmental pollution. I would like to inform the House that a Pollution Committee has been established with the chairman from the Ministry of Health and representatives from other Ministries with powers to co-opt appropriate persons to study the treatment and disposal

of effluence by approved industries. This Committee has been set up on the direction of the NOC. Action has already been taken to intensify the campaign on pollution caused by motor vehicles. An Action Committee working on this is presently educating the public on preventing their motor vehicles from discharging excessive smoke. The Committee is also looking into the question of setting up standards for smoke and noise levels caused by motor vehicles with a view to strengthening the existing laws. As far as water pollution is concerned, the Ministry of Health has already drafted an Enactment as an amendment to Chapter 146, Waters Enactment, to provide for the control of rivers and streams. As water is a State subject, it is hoped that State Governments will take the necessary action to enact these amendments on the resumption of the State Assemblies. Thank you.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Dato' Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran menjawab soalan² yang telah di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat mengenai Perbandaran Ibu Kota Kuala Lumpur yang terta'alok di-bawah Kementerian saya dan supaya dapat di-fahamkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka saya minta izin memberikan jawapan saya dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Dato Kramat proposed that the Federal Capital Commission should be abolished and instead there should be a fully elected council for Kuala Lumpur with an elected Mayor to represent the taxpayers of Kuala Lumpur in accordance with their wishes. Mr Speaker, Sir, the question of abolishing the Federal Capital Commission can only arise if and when the Federal Capital Act, 1960 is repealed—it lies outside the power of my Ministry. I can assure the Honourable Member for Dato Kramat that the Government has no intention at present of repealing that Act because the conditions which necessitated the introduction of the Act in 1960 still hold good today, if not more strongly. Moreover, Sir, with parliamentary democracy having been just restored, it might be in the public interest to give the people of this country a respite from politicking and an opportunity to re-establish their equilibrium and achieve national unity.

He also referred to the hawker problem in Kuala Lumpur. He stated that there were ugly scenes of hawkers being chased and harassed by enforcement squad to the extent of ruthless handling and use of force. He suggested the appointment of a high-powered committee to study and solve the problem. I have advised those who have made representations to me on this subject that such general statements do not serve any useful purpose. If the Honourable Member for Dato Kramat will give specific information, such as the date, the time and the place when such alleged ugly scenes or harassment by the enforcement squad had occurred, I can assure him that due inquiries and investigations will be made and those found guilty of such indiscriminate harassment will be severely dealt with. Sir, the latest count shows that there are one thousand

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, I would be very grateful if the Honourable Minister would give us an appointment to bring along witnesses to substantiate the allegation of these harassments and the brutal treatment of hawkers.

Tuan Yang di-Pertua: You could well ask for an appointment at another time, not by interrupting his speech.

Tuan Yeoh Teck Chye: The Honourable Minister has said that he will be pleased to do this. So, I shall be glad if he will assure this House that this will be done.

Dato' Ong Kee Hui: Mr Speaker, Sir, I have already received such a delegation from some other Members of the House. I would certainly like to make an appointment with any other Member at any time.

I was saying, Sir, that the latest count shows that there are 1,137 licensed hawkers in the Municipality area, not to mention the vast numbers who are unlicensed. It will be appreciated, therefore, that the proper control of this vast number of hawkers is necessary if the streets of Kuala Lumpur are to be made safe, not only for the pedestrians but also for the traffic. As far as I am aware, Sir, the enforcement squad is carrying out its duties in accordance with the provisions of the law in clearing unlicensed hawkers or licensed hawkers trading in prohibited areas in Kuala Lumpur. There is no necessity, Sir, for appointment of a high-powered committee

to study and solve the hawker problem because such a committee already exists. The Committee, better known as Federal Capital Hawkers Committee, is chaired by Yang Berhormat Tuan Chan Keong Hon and its members comprise both unofficials and officials. My Ministry is now taking up also the problem with the Municipality and it is hoped that a satisfactory solution will soon be found.

Reference had also been made by the Honourable Member for Dato Kramat to the traffic system of Kuala Lumpur. He stated that the existing traffic congestion in the main thoroughfares of Kuala Lumpur was due to the lack of proper planning. It is not denied, Sir, that the existing traffic congestion in the main thoroughfares of Kuala Lumpur was due to lack of proper planning in the past, but it is certainly not due to the lack of proper planning after independence. I am sure the Honourable Member for Dato Kramat will admit that since Merdeka much has been done by the Federal Capital Commission to improve the flow of traffic, such as the introduction of the Green Wave System and the widening and re-planning of many of the major roads and thoroughfares. If the Honourable Member for Dato Kramat visits Ipoh or Penang, where I understand he comes from, he will have to admit that the traffic congestion in these two towns is much worse than it is in Kuala Lumpur. Yet, it has been stated that Ipoh and Penang are well-planned towns.

He also referred to the subject of squatters in Kuala Lumpur. He criticised that the squatter problem in Kuala Lumpur should be dealt with more objectively. This is exactly what is being done, Sir. It is because many of the squatters are unable to afford the rentals of low-cost flats that they are subsidised for a period of two years; that is, a squatter family that has moved from a squatter area need not pay any rental for three months and thereafter the family needs to pay only half month's rent for twenty-one months. The Honourable Member said that the problem does not lie in the demolition of the squatter huts but in the analysis of the problem and the provision of sites for squatters to build their own houses. For the information of the Honourable Member, squatter problems have been surveyed and analysed and since squatters are illegal occupiers of State land, or private land, their

huts have to be demolished to make way for the useful development of the lands which are now rendered impossible as a result of squatting. Not only does the Government rehouse the squatters in low-cost housing but the State Government also provides sites in land settlement schemes on the fringes of Kuala Lumpur. In the latter case, the squatters can build their own houses on sites provided for them.

As for the demolition squad, Sir, the Honourable Member has to be more specific and say what manner the members of the squad have acted beyond their jurisdiction. Members of the demolition squad have a duty to perform to the rate-payers of Kuala Lumpur and if they do not demolish illegal structures in accordance with the law, then they will be failing in their duty. Normally, members of the demolition squad do not demolish squatter huts in the squatter area until such time as a decision has been made for the area to be cleared of squatters. The tasks which the demolition squad has to perform are not particularly pleasant and, invariably, they incur the displeasure of those who flout the law by erecting illegal structures or hawking in areas which are not meant for hawking. I am sure the rate-payers in Kuala Lumpur may be grateful to the members of the demolition squad for the efficient manner in which the latter are performing their duties which have already improved the general appearance of the Federal Capital and attracted favourable comments by many foreign visitors.

Finally, Sir, with regard to the Honourable Member's call that the Report of the Royal Commission of Enquiry on Local Authorities be made public, I would like to state here what I have already stated in most of my Written Replies to similar questions from other Members of the House, and that is, that this would be done, if desirable, only when the Government has taken a decision after studying the Report of the Committee appointed to examine the implications of implementing the recommendations of the Report.

Menteri Pertanian dan Tanah (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di-sini mengucapkan terima kaseh kepada beberapa orang Ahli² Dewan yang telah

menyentuh dan juga memberi tegoran serta chadangan² yang membena bagi Kementerian Pertanian dan Tanah.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong, Pahang, menyatakan di-negeri-nya banyak tanah dan banyak pula orang yang tidak mempunyai tanah dan berhajat kalau sa-kira-nya dapat pehak Kerajaan mengeluarkan lebih banyak tanah untuk kegunaan petani² dan peladang² di-dalam negeri itu.

Kerajaan memang sedar bahawa di-negeri Pahang tanah hutan ada-lah sangat luas dan Kerajaan juga telah pun membuka kawasan² yang sa-chara besaran² untuk memberi tanah kepada ra'ayat bukan sahaja di-negeri Pahang bahkan di-seluruh negara. Ranchangan² ini ada-lah sa-mesti-nya di-atorkan dengan sempurna daripada semua segi yang berkaitan. Dan ranchangan² tersebut telah pun di-laksana berupa Ranchangan² FLDA, Ranchangan² Pinggir, Ranchangan Terkawal dan berbagai² lagi yang di-jalankan oleh Kerajaan Negeri di-tiap² daerah dan di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Kedua, Kerajaan akan terus menjalankan pembukaan tanah dengan lebih giat lagi dan juga akan memberi lebih perhatian kepada ranchangan² belia yang mana merupakan sa-bahagian besar daripada gulungan yang berkehendakkan pekerjaan dan berkehendakkan tanah. Tidak-lah payah saya hendak memberi butir² yang lanjut berkenaan dengan ranchangan² tersebut kerana ranchangan² itu telah beberapa tahun berjalan, di-dalam negeri ini. Ma'aluman berkenaan dengan-nya telah pun di-siarkan dari masa ka-samasa.

Walau pun demikian untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat dari Bentong saya suka menyatakan bahawa sa-hingga tahun 1970 sa-banyak 308,258 ekar tanah telah di-usahakan di-bawah Ranchangan FLDA mengandongi 20,450 orang peserta. 130,195 ekar di-usahakan di-bawah Ranchangan Pinggir yang mengandongi 27,140 orang peserta.

Lain² ranchangan yang di-jalankan oleh Kerajaan Negeri saya suka-lah Ahli Yang Berhormat yang tersebut mendapatkan butir²-nya daripada pehak yang berkenaan sama ada di-negeri Pahang atau pun di-daerah Bentong.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat berkata ia-itu banyak daripada estet² telah pun di-pechah²kan dan dengan sebab itu

banyak pula pekerja² yang terpaksa dikeluarkan, atau pun tidak di-teruskan pekerjaan mereka dan mereka ini menjadi penganggor dan sa-bagai-nya.

Pehak Kerajaan ada-lah sedar bahawa perpechahan ladang² besar ia-lah satu perkara yang tidak memberi kebaikan bukan sahaja kepada pekerja² bahkan kepada ekonomi negara kita juga. Bagi menchegeh perbuatan yang demikian Kerajaan telah pun membuat pindaan kepada Kanun Tanah Negara Sekshen 214A yang berbunyi demikian :

"(1) Notwithstanding anything contained in this Act, no estate land is capable of being transferred, conveyed or disposed of in any manner whatsoever to two or more persons unless approval of such transfer, conveyance or disposal has first been obtained from the Estate Land Board (hereinafter referred to as the Board) established under sub-section (3)".

Jadi di-sini dengan ada-nya undang² yang sa-demikian ini ada juga ra'ayat di-negeri ini yang mengambil peluang pula bukan sahaja dengan tidak mengadakan urusan untuk menukar nama dan sa-bagai-nya, tetapi mengadakan chara menjual janji dengan membuat surat perjanjian di-luar daripada pejabat atau pun di-luar daripada pertukaran nama dan sa-bagai-nya. Maka dengan sebab itu pehak Kementerian saya telah pun menyampaikan perkara ini kepada Majlis Gerakan Negara dan Majlis Gerakan Negara telah pun mempersetujui satu Pindaan Undang² lagi, ia-itu bukan sahaja kita tidak membenarkan pertukaran tanah kepada lebih daripada sa-orang tetapi kita juga melarang mengadakan perjanjian luar, ia-itu satu Pindaan kepada sub-section (10A) (a) yang berbunyi :

"(10A) (a) Any person who transfers, conveys or disposes of or attempts to transfer, convey or dispose of in any manner whatsoever, any estate land in contravention of sub-section (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to imprisonment for a term of not less than one year and not more than three years and to a fine not exceeding ten thousand dollars.

(b) For the purposes of this sub-section, the execution of an agreement to convey or dispose of the whole of an estate land to two or more persons, or to convey or dispose of any portion or portions of an estate land to one or more persons, without the approval of the Board shall be conclusive proof of that the estate land is conveyed or disposed of in contravention of sub-section (1) and any act to demarcate an estate land or to cause or permit the demarcation of an estate land otherwise than in accordance with the provisions of this Act shall be *prima facie* proof that the person so acting, causing or permitting attempts to transfer, convey or dispose of the estate land in contravention of sub-section (1)".

Jadi, di-sini nampak-lah kepada Dewan ini ia-itu pehak Kerajaan ada-lah menjalankan segala chara dan ikhtiar untuk menyekat daripada tanah² estet ini daripada di-pechah²-kan atau di-jualkan lebeh daripada sa-saorang.

Ahli Yang Berhormat dari Besut, Trengganu, telah pun menyatakan ia-itu di-kawasan-nya ada lebeh kurang 90 ribu orang dan keadaan kehidupan mereka ia-lah sangat dalam kemiskinan dan tambahan beliau pula supaya pehak Menteri² mengadakan lawatan ka-kawasan-nya. Di-sini mengikut laporan² siasatan ekonomi di-kawasan Besut di-antara pendudok² di-kawasan itu 90% daripada pendudok² di-situ ada-lah peladang² padi. Untuk meninggikan taraf hidup peladang² di-kawasan itu, Kerajaan Pusat telah melaksanakan satu ranchangan parit dan taliayer untuk menanam padi dua kali sa-tahun. Modal ranchangan ini ia-lah lebeh kurang \$12 juta yang di-pinjam daripada Bank Kemajuan Asia. Apabila ranchangan menanam padi dua kali sa-tahun itu siap kelak, maka dapat-lah sedikit sa-banyak menolong berkenaan dengan kehidupan ra'ayat, atau pun peladang² yang ada di-kawasan ini. Berkenaan dengan jemputan untuk melawat ka-Besut, saya juga biasa pergi ka-sana, tetapi saya memikirkan bukan soal lawatan yang di-kehendaki, tetapi ia-lah ranchangan bagi satu² kawasan itu ada-lah lebeh besar daripada lawatan sa-orang Menteri sahaja dengan tidak mengadakan ranchangan.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Prai Utara telah pun meminta supaya pehak Kerajaan menyelesaikan masaalah petani dan juga nelayan² di-dalam negeri ini dengan chara memberi lebeh banyak bantuan dan pertolongan. Bantuan yang lebeh banyak perlu di-beri kepada petani² dan juga menaikkan harga padi kata-nya daripada \$16 kepada \$18 sa-pikul. Pehak Kementerian Pertanian dan Tanah telah pun memberikan banyak bantuan dan juga pertolongan di-dalam usaha hendak membaiki taraf hidup petani² dan nelayan². Kemajuan² yang memuaskan telah di-chapai menerusi Persatuan² Peladang di-mana bantuan² telah pun di-salurkan bagi menolong petani². Masaalah orang² tengah telah di-kurangkan, atau pun di-hapuskan di-satengah² tempat yang telah di-tubuhkan Persatuan² Peladang. Hingga hari ini sa-jumlah 66 buah Persatuan Peladang telah pun di-daftarkan. Langkah juga telah di-ambil untuk menubuhkan lebeh banyak lagi

Persatuan Peladang di-dalam negeri ini. Di-anggarkan di-akhir Ranchangan Malaysia Yang Kedua kita dapat menubuhkan lebeh kurang 200 buah Persatuan Peladang bagi menyenangkan urusan² peladang dan menolong peladang² di-dalam membaiki kehidupan mereka.

Berhubung dengan masaalah membaiki kehidupan nelayan, pehak Kementerian saya sedang menjalankan satu kajian, ia-itu mengadakan Persatuan² Nelayan Perintis. Pada masa sekarang ini saya telah pun memberi kebenaran menubuhkan 4 buah Persatuan Nelayan Perintis ia-itu di-Kuala Trengganu; di-Kuantan; di-Tanjong Dawai dan di-Telok Bahang, Pulau Pinang. Sa-kira-nya Persatuan² Nelayan Perintis ini dapat menunjukkan kemajuan dan dapat berjalan dengan baik-nya, maka Persatuan² Nelayan yang sa-umpama ini akan di-tubuhkan di-seluruh negara kita ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah pun menyatakan banyak daripada tanah² di-dalam Kawasan Simpanan Melayu di-kawasan-nya ada-lah mengandongi tanah yang rendah atau pun tanah gambut dan beliau juga meminta penjelasan sama ada tanah² gambut itu yang tebal, atau pun yang dalam boleh di-pulehkan dan di-gunakan, jika tidak boleh beliau juga menhadangkan supaya pakar daripada negeri² luar di-bawa masuk untuk menjalankan penyiasatan dan di-buat kajian.

Tanah rendah dan paya ada banyak di-dalam negeri kita ini dan dua buah ranchangan parit dan taliayer sedang kita jalankan, atau akan di-laksanakan untuk tanaman² darat, ia-itu jenis² tanaman dan juga padi. Ranchangan ini ia-lah di-Merbau Berdarah, 4,000 sa-hingga 5,000 ekar, dan di-Sungai Panjang 3,000 ekar.

Tanah gambut, pehak Kementerian saya telah pun menjalankan kajian tanah gambut ini semenjak tahun 1953. Pendapat² perchu-ban ia-lah saperti berikut:

- (a) tanah² gambut tebal, atau pun deep peat boleh di-gunakan untuk rumput² ternakan, dan
- (b) ubi² kayu, jagong dan sekoi ada-lah juga dapat di-jayakan di-kawasan² tanah gambut, di-tanah changkat atau shallow peat;
- (c) keadaan sa-jenis tanah yang berbedza di-antara satu dengan lain.

Oleh sebab itu tidak-lah dapat kita hendak mengatakan atau membuat sebagai keputusan borang sahaja. Kawasan² yang boleh digunakan untuk tanaman di-atas tanah² gambut itu. Maka dengan sebab itu siasatan² ada-lah di-jalankan daripada satu masa ka-satu masa berhubung dengan keadaan dan kawasan² tanah gambut ini. Saya ingin-lah, kalau dapat, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor itu berhubung dengan Kementerian saya, sa-kira-nya ada kawasan² tanah gambut yang ia ingin untuk di-jalankan siasatan supaya dapat kita menolong-nya di-dalam masalah² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak telah menimbulkan masalah orang-tengah yang memeras petani². Kementerian ini adalah mengambil perhatian yang berat tentang masalah orang-tengah. Salah satu daripada chara² untuk mengatasi-nya ada-lah menerusi penubohan Persatuan² Peladang, Persatuan² Nelayan dan juga sharikat² kerjasama. Dimana ada Persatuan Peladang di-tubuhkan, maka dapat-lah Persatuan Peladang itu menolong ahli²-nya berhubung dengan pemasaran, pengeluaran pertanian dan juga menjual kepada ahli² Persatuan² Peladang² ini barang² yang di-kehendaki oleh peladang² dan petani² untuk kegunaan di-atas tanah² mereka.

Pehak Kerajaan juga telah pun menubuhkan sa-buah Bank Pertanian di-samping beberapa buah bank lagi, ia-itu Bank² Kerjasama ia-itu sa-bagai ikhtiar kita memberi pertolongan, atau pinjaman kepada peladang² dan petani² supaya mereka dapat melepaskan segala urusan² persendirian mereka terutama sa-kali berkenaan dengan kewangan dan sa-bagai-nya. Hasil sa-lama ini di-beberapa tempat ada-lah baik dan saya berharap perkara ini dapat di-jalankan di-seluruh negeri pada masa akan datang.

Perchubaa² untuk menyelesaikan masalah sekarang ini sedang di-jalankan bagi kawasan Muda di-Kedah, ia-itu semua agensi, FAMA, MARA, Bank Pertanian, Sharikat Kerjasama, Persatuan Peladang dan lain² semua sa-kali di-satukan untuk menjalankan satu tindakan bagi menyelesaikan masalah² yang ada kepada peladang² dan petani² di-dalam kawasan Muda itu. Jadi, kalau sa-kira-nya langkah atau ranchangan ini dapat di-jalankan dengan baik dan beres, maka dapat-lah kita meluaskan ranchangan² itu ka-kawasan lain bagi masa yang akan datang.

Beberapa orang Ahli² Yang Berhormat ia-itu termasuk Ahli Yang Berhormat dari Batu Pahat Dalam, Johor Tenggara dan juga Hilir Perak telah pun membangkitkan mengenai masalah banjir. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah pun menjawab sedikit sa-banyak berkenaan dengan masalah banjir itu tetapi saya ingin-lah menambah atau menokok sedikit lagi. Di-dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama, Bahagian Parit dan Taliayer di-bawah Kementerian saya telah pun melaksanakan beberapa projek² yang tertentu untuk saloran dan menchegeh banjir. Ranchangan² ini telah pun memakan belanja sa-banyak \$56 juta dalam masa 5 tahun ia-itu tahun 1966 sa-hingga 1970. Ranchangan² ini termasuk-lah ranchangan² khas untuk menchegeh banjir dengan berharga \$13.6 juta. Tambahan kepada perbelanjaan yang di-belanjakan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan² negeri daripada peruntukan-nya sendiri telah juga membelanjakan lebih kurang \$5 juta di-bawah pembangunan dan \$2.1 juta pada tiap² tahun di-bawah kerja² menchuchi dan membaiki sungai² untuk mengurangkan banjir. Di-dalam ranchangan besar bagi menchegeh banjir yang telah dilaksanakan di-dalam masa baharu² ini, atau di-dalam perlaksanaan ia-lah mengorek Sungai Klang dan Sungai Langat di-negeri Selangor dengan berharga \$10 juta. Mengorek saloran menchegeh banjir di-Mentuan, Kelantan berharga \$300 ribu, mengorek Sungai Semaraka di-negeri Kelantan dengan berharga \$1.2 juta. Membuang lodak di-Sungai² Johor dengan berharga \$1.4 juta dan membena parit-memarit di-dalam Ranchangan Perayeran Muda dengan berharga \$10.5 juta dan juga parit-memarit dan membena benting di-Ranchangan Perayeran Kemubu dengan harga \$12.5 juta. Terima kaseh.

Menteri Pengangkutan (Dato' Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk menjawab sedikit tegoran² yang di-bawa oleh Ahli² Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian saya.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah pun menegor dan dia mengatakan keretapi kita sentiasa berlepas lambat dan tidak tepat. Perkara lambat tiba dan lambat berlepas ini ada-lah kecil bilangan-nya jika di-bandingkan dengan perkhidmatan² perjalanan keretapi keseluruhannya. Anggapan Yang Berhormat itu yang mengatakan bahawa kemudahan di-dalam keretapi tidak

memuaskan ada-lah juga tidak benar. Sa-benar-nya Perkhidmatan Keretapi sekarang tidak sa-burok saperti yang di-gambarkan oleh Yang Berhormat itu. Kemudahan² dan perkhidmatan²-nya ada-lah bertambah baik dan beberapa tindakan ada-lah sudah di-ambil dan ada yang sedang di-ambil dan akan di-ambil untuk memperbaiki lagi perkhidmatan dan pendapatan keretapi.

Tudohan Ahli Yang Berhormat itu yang mengatakan keretapi kerap kali tergelincir juga tidak benar, sungguh pun tidak boleh di-nafikan bahawa kegelinciran itu ada berlaku sa-bagaimana juga yang berlaku di-keretapi² yang lain di-dunia ini bahkan kegelinciran keretapi di-negeri² yang lain ada-lah lebeh daripada apa yang berlaku di-negeri kita ini. Dalam pada itu, Lembaga Pentadbiran Kere-tapi sedang membuat kajian berkenaan soal² kegelinciran ini dan untuk mengambil langkah² supaya mengurangkan lagi bilangan² kegelinciran.

Tudohan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat yang Kerajaan mengambil pegawai² sa-chara pilih kaseh untuk mengisi jawatan² penting di-Pentadbiran itu juga tidak benar, kerana perlantikan dan kenaikan pangkat ada-lah satu perkara yang di-selenggarakan oleh satu Surohanjaya Perkhidmatan Kere-tapi. Ada-lah juga di-nyatakan di-sini Surohanjaya itu ada-lah satu Surohanjaya yang bebas dan tidak terpengaruh oleh mana² pehak juga. Sungguh pun ada jawatan yang kosong tetapi tindakan telah pun di-ambil untuk mengisi jawatan² itu dengan melateh kakitangan yang di-perlukan untuk mengen-dalikan kerja² di-bengkel supaya jentera² keretapi akan di-jalankan dengan chekap-nya. Tentang jawatan yang kanan yang maseh kosong itu, Pentadbiran Keretapi sudah juga mengisi jawatan² itu sa-chara memangku dan sedang mengambil tindakan untuk mengisi jawatan² itu dengan pegawai² yang chekap dan berkeelayakan. Sa-bagaimana yang telah di-nyatakan oleh Kerajaan terlebeh dahulu ia-itu kenaikan pangkat ka-mana² jawatan ada-lah berdasarkan kapada kelayakan dan kecheapan dan tidak termesti-nya mengikut kekananan pegawai² yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga telah menyentuh perkara² berkenaan dengan pengeluaran lesen² bas kapada sharikat² yang tidak layak dan sa-bagai-nya. Saya suka menerangkan bahawa Undang² Lalu-lintas Jalan tahun 1958 menghendaki Lembaga Perlesenan Pengangkutan Jalan

apabila mengeluarkan lesen² bas menimbang-kan antara lain² perkara yang berikut:

- (1) Kesesuaian jalan² yang hendak di-adakan perkhidmatan bas itu.
- (2) Keperluan mengadakan perkhidmatan bas di-kawasan yang di-minta. Menge-lakkan daripada mengadakan perkhid-matan bas yang tiada di-kehendaki, mengadakan perkhidmatan bas yang tiada memberi keuntongan sa-kira-nya mustahak dan juga menentukan ada-nya coordinasi di-antara semua sistem pengangkutan termasuk pengangkutan keretapi, laut dan udara.
- (3) Kebolehan kewangan pemohon untuk mengadakan perkhidmatan yang di-minta itu.
- (4) Kelakuan si-pemohon atau pun peme-gang lesen sa-kira-nya ia telah menga-dakan perkhidmatan pengangkutan jalan dalam menjalankan perkhidmatan tersebut dan lain².

Dengan ada-nya undang² saperti yang telah saya sebutkan tadi, maka nyata-lah bahawa kepentingan orang² ramai yang menggunakan perkhidmatan² bas bukan sahaja terjamin akan tetapi undang² itu juga menggalakkan perkhidmatan yang lancar dan baik. Walau bagaimana pun sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat dapat mengemuka-kan mana² sharikat bas yang tidak menjalan-kan perkhidmatan² bas saperti yang telah di-katakan tadi, saya memberi jaminan akan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya. Saya mengaku bahawa tindakan² menguat-kuasa-kan Undang² Lalu-Lintas tahun 1958 ada-lah tidak saperti yang saya hajati kerana ini ada-lah di-sebabkan kekurangan pegawai² Penguat-kuasa di-Jabatan Pengangkutan Jalan. Walau bagaimana pun, beberapa bulan yang lalu 16 orang pegawai Penguat-kuasa telah pun di-lantek dan saya perchaya dengan ada-nya pegawai² ini tindakan menguatkuasa-kan undang² yang lebeh berkesan akan dapat di-laksanakan.

Berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat supaya mengadakan satu Lembaga Pengangkutan Jalan Kebangsaan atau National Transport Board pada masa ini sudah pun di-tubuhkan satu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di-bawah Undang² Lalu-Lintas tahun 1958 dan ada-lah di-fikirkan menchukopi. Tidak ada sebab² yang Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ini di-gantikan dengan

Lembaga Pengangkutan Jalan Kebangsaan yang di-chadangkan. Berhubung dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Batu mengenai pemecahan Sharikat Penerbangan Malaysia-Singapura, saya suka menerangkan bahawa Kementerian Pengangkutan akan berupaya menguruskan sharikat penerbangan yang baharu itu dengan chara yang baik. Ada-lah menjadi hasrat Kementerian Pengangkutan di-dalam menguruskan sharikat baharu ini untuk memperbaiki perkhidmatan² dalam negeri dan antarabangsa daripada Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Pulau Pinang.

Apabila kedua² Kerajaan bersetuju dengan pemecahan MSA maka dalam erti kata lain, telah bersetuju mengeneipikan perkara² yang selalu menjadi asas pertelingkahan dan ini boleh-lah di-anggap sa-bagai satu langkah untuk memperbaiki perhubungan di-antara kedua² Kerajaan. Saya perchaya dengan chara ini kita akan dapat mengiratkan lagi perhubungan di-antara kedua² negeri dengan menchapai tujuan masing².

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat membangkitkan perkara pembenaan Projek Pelabohan di-Johor. Kerajaan sa-benar-nya telah melantek sa-buah sharikat Juru Perunding mengkaji tempat pembenaan pelabohan itu pada segi kejuruteraan dan juga membuat plan membentok pelabohan ini. Kerja² mereka telah di-mulakan dan akan siap akhir bulan Ogos tahun ini. Tawaran membena pelabohan ini akan di-keluarkan akhir tahun ini dan benaan di-jangka akan di-mulai awal tahun 1972. Peringkat pertama projek ini di-jangka akan siap dalam akhir tahun 1973.

Berkenaan dengan komen yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat, saya berasa bangga yang beliau menyokong keputusan kita untuk menguruskan perkhidmatan udara kita sendiri.

Berkenaan dengan pertanyaan-nya, berkaitan dengan lapangan terbang di-Johor Bahru, saya suka mengesahkan bahawa Kerajaan telah pun bersetuju membena sa-buah lapangan terbang di-Johor Bahru yang boleh di-gunakan bagi penerbangan Boeing 737. Kementerian saya ada-lah mengkaji keperluan² bagi lapangan² terbang

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Bila-kah

Tuan Yang di-Pertua: (*Kapada Dato' Abdul Ghani Gilong*) Boleh beri jalan atau tidak?

Dato' Abdul Ghani Gilong: Tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak!

Dato' Abdul Ghani Gilong: Kementerian saya ada-lah mengkaji keperluan² bagi lapangan² terbang dan akan memperbaiki-nya dari sa-masa ka-samasa, jika perlu.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn): Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya ini saya akan beruchap dalam Bahasa Kebangsaan dan juga dalam bahasa Inggeris dan saya harap dapat kebenaran bertutor kata dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda telah menyentoh beberapa perkara berkenaan dengan pelajaran.

Yang pertama, Titah Baginda:

"Pelajaran ia-lah satu lagi faktor yang penting bagi menjamin kekukohan dan perpaduan negara. Kerajaan ada-lah memberi perhatian yang berat tentang perkara ini.

Yang Kedua,

Kerajaan akan melaksanakan dengan tegas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah di-tetapkan dan di-persetujui oleh semua pihak itu.

Yang Ketiga,

Kerajaan akan terus melaksanakan dasar mengenai pendidekan dalam Bahasa Malaysia.

Yang Keempat,

Kerajaan akan terus berusaha hendak menjadikan Bahasa Malaysia sa-bagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi dalam erti kata yang sa-benar-nya.

Yang Kelima, Titah Baginda pada ketika yang sama,

Akan mengekalkan nilai serta "standard" pelajaran negara, supaya kanak² negara ini dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang mustahak dalam zaman teknologi moden ini.

Yang akhir-nya, Seri Paduka Baginda bertitah,

Ada-lah menjadi dasar Kerajaan menitik-beratkan pelajaran di-sekolah² menengah di-dalam ilmu pelajaran sains dan teknologi dan juga mengadakan sekolah² vokeshenal di-mana penuntut² yang tiada dapat melanjutkan pelajaran mereka di-dalam aliran akademik, dapat di-beri latehan dan kemahiran yang di-perlukan oleh perusahaan".

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menamatkan Titah Uchapan Baginda seperti berikut :

“Matlamat² dan rancangan² bagi tahun² tujuh-pulohan ini menegaskan hasrat Kerajaan memperbaiki lagi keadaan ekonomi dan memperkukuhkan ketenteraman dan perpaduan negara. Kerajaan berazam melaksanakan rancangan² ini sah-chepat²-nya. Beta menyeru ra'ayat sakalian memberi kerjasama kepada Kerajaan dalam usaha-nya membasmikan kemiskinan dan mewujudkan perpaduan negara. Dengan izin Tuhan Yang Maha Kuasa dan ada-nya kerjasama ra'ayat, boleh-lah kita dengan penuh keyakinan memandang masa depan yang lebih gembira dan chemerlang bagi negara dan ra'ayat”.

Tuan Yang di-Pertua, the Government generally, and the Education Ministry in particular, do not lack critics both in this House and outside. This fact alone answers the charge that we so often hear that freedom of speech in this country is dead.

In this debate, a number of speakers, both on this side of the House as well as those on the opposite side, have made many criticisms of my Ministry and of myself. Some of these criticisms are well meant, some are constructive, but some clearly indicate gross ignorance or sheer, stubborn refusal to recognise and appreciate the true facts.

Tuan Speaker, Sir, generally speaking, some of these criticisms have been towards dissatisfaction over the inadequacy of school places, teachers and other facilities, some with regard to poor examination results and some regarding delays in taking decisions in the administrative and development fields; and some of the criticisms, Tuan Yang di-Pertua, are with regard to my apparent lack of determination and compromising attitude in implementing our national education policy. I shall touch on these criticisms later on in my reply.

But, first, let me say this. Since our country's independence in 1957, progress in education has been impressive and, I may say, tremendous. We see this if we compare what has been achieved by us in this field with that obtaining in other countries in this region. I need not have to give the House all the statistics to convince Honourable Members of this, that is, those Honourable Members who are reasonable and sincere enough to be convinced. A few statistics may perhaps suffice. Now, in West Malaysia, Mr Speaker, Sir—I am giving comparisons of what happened in 1957 and in 1970—the total

expenditure for education in 1957 amounted to \$119 million, whereas in 1970, the total expenditure was \$457 million. Enrolment in primary schools in 1957 was 993,000 whereas in 1970 it was 1,421,000. Secondary schools enrolment in 1957 was 48,000; in 1970 it was 468,000.

Number of schools—not much difference—primary—in 1957—4,272; in 1970—4,365. But as regards secondary schools, in 1957—148, whereas in 1970—735. Number of teachers—Primary—in 1957—32,000; in 1970—45,000; secondary—in 1957—1,891; in 1970—18,367. As regards number of vocational schools: technical—1 in 1957, 3 in 1970; junior technical trade schools—3 in 1957, 11 in 1970. As regards universities—1 in 1957 and 3 in 1970, excluding the Agricultural University which will be set up in a few years' time.

Sir, further facts are :

- (1) Since 1957 we have an educational system which is truly national, whereas before that we had none.
- (2) Primary education is now free.
- (3) We provide universal education for nine years, that is up to the 15th year of the child's life. This ensures that every child in this country is eligible for a basic education which will assist him to play his full part later as a citizen of this country.
- (4) At the time of independence, we had on our hands a dual society of the handicapped in the rural areas and the privileged in the urban areas. We have, in the ensuing years, taken our schools to these rural areas and provided opportunities for children to benefit not only from education at the primary, but also at the secondary level.
- (5) We have and will continue to keep pace with modern development in education. We have and will continue to ensure that the economic needs of our country are met in the school system. To this end, we have and shall adjust our curricula in their relations to enrolments by providing a framework within which we can produce the right type of qualified personnel for employment in industry and agriculture.

- (6) We have and we shall further increase the enrolment in technical and vocational education. At the moment there are 12 Vocational schools. Six more will be constructed by 1974 at Kuala Lumpur, Seremban, Kangar, Alor Star, Kuala Trengganu and Muar. There are, at present, three technical schools. Five more will be constructed before 1974, at Ipoh, Alor Star, Seremban, Malacca and Johore Bahru.
- (7) Sixth Form classes have and will be further increased according to needs, and here the emphasis has been and will continue to be on science and technological subjects.
- (8) The Kuala Lumpur Technical College is in the process of further extension. The enrolment has been increased. We are also planning to convert this college into a College of Technology and the Ungku Omar Polytechnic at Ipoh is the latest of our technical institutions. Once it has got over its teething troubles, we expect it to produce about 750 technicians annually by 1973.
- (9) We have at present three universities—the University of Malaya, which is the oldest and quite well established, and the Universiti Kebangsaan and the University of Penang, both of which are new. With the further expansion and further improvement in the standard of secondary and college education, there will inevitably be an increasing demand for places in our universities. The Government will ensure that sufficient places will be available in our universities, subject only to the availability of funds and qualified staff. Mr Speaker, Sir, the Government has recently approved the establishment of an Agricultural University. Detailed planning is now being done and in a few years time we hope to see it well and fully established. The first phase will probably be confined to agricultural science and subsequently veterinary, forestry, fisheries and mining sciences will probably be added.

Sir, while I am on the subject of university, may I say this? Universities anywhere in

the world do not exist in the vacuum. Our universities, in particular, certainly do not. While I am in agreement with the concept of academic freedom, it is necessary, however, to remember always that like other freedom it is not absolute. It is subject to qualifications imposed by national, financial and other practical considerations. In order to maintain its academic standards and thus ensure its repute in the international academic world, a university will require vast amounts of public funds in that process it will have to bear constantly in mind the national aspirations and needs as interpreted by the Government. In this regard, it is important to remember, Sir, that even universities not dependent on public funds have to bear in mind and to some extent conform to the wishes of their private benefactors.

Thus, Tuan Yang di-Pertua, is my summary, a rather short one, of the achievements in the field of education which the Government has made in the relatively short period of time since independence. Of course, Sir, Honourable Members from the opposite side, from the Opposition parties will not admit even one of these achievements. I do not expect them to, but the people know of these achievements and the Honourable Members themselves know them too. Sir, in spite of all these achievements, the Government, and particularly I, as the Minister responsible for education, will not and never will be content, nor will be complacent. We will strive still harder to increase the educational facilities in our country, up to the limit of the desires of our people. We will strive and will go on striving to raise still further the standard of education. We will spare no efforts to achieve this.

Mr Speaker, Sir, our schools will always be governed by the twin factors of educational efficiency and social and economic adequacy. We have and will continue to give the type of education that our country needs. We have and will continue to ensure that teaching and learning standards are the highest possible by any comparison. We have and will continue to introduce innovations into our classroom instruction so that the education given will not only be useful but efficient and productive.

Tuan Yang di-Pertua, I am coming now to some of the specific criticisms, comments and observations, which have been made by the

Honourable Members in the course of this debate.

First, the criticism of the Honourable Member for Dato Kramat. He said, Sir, and I quote, "Sir to build an enlightened intelligent and tolerant society, the educational system can play an effective part. But, unfortunately, our educational policy is in a chaos. Frequent changes in the educational policy in the absence of a unified system has not produced the required standard of education in our country." So said the Honourable Member for Dato Kramat. Sir, after reading and considering carefully this passage of the Honourable Member's speech, I am not sure whether our education policy is in a chaos or whether the Honourable Member's thinking reasoning and mind are in a chaos. It certainly is apparent to me that it is the Honourable Member's mind that is in a chaotic state. Perhaps, Sir, it is excusable as far as education is concerned. It is apparent that the Honourable Member has only a superficial knowledge of the subject. There has been no change, still less frequent changes in the education policy. Our education policy has always been and still is in the Education Act of 1961.

Sir, I do not understand the Honourable Member's reference to "in the absence of a unified system". We have a unified system of education in West Malaysia. The system may be different in the two States in East Malaysia. This is due to circumstances beyond the Central Government's control, and that is on account of the Inter-Governmental Committee Agreement between the two States and the Central Government.

According to the Honourable Member, further, Sir, more than 50% of the students who sat for the L.C.E. last year failed and he, therefore, called for an enquiry to ascertain, among others, whether our national education system has failed. Tuan Yang di-Pertua, first of all, I do not know from where the Honourable Member obtained his figures of more than 50% failures. Lower Certificate Examination is graded A, B and C and Failed. Those obtaining Grades A and B, almost all, will be found places in Form Four. Those obtaining Grade C passed the examination but will not be promoted to Form Four owing to shortage of places.

Sir, I am coming now to the other criticisms, the next criticisms, brought by the

Honourable Member for Muar Dalam. The Honourable Member for Muar Dalam gave out a lot of heat but very little light when he spoke yesterday. He in particular criticised me, criticised one aspect of the speech I made at the Alliance Seminar on the 18th February. I admit that the particular sentence in my speech could have been more clearly worded. The Honourable Member knows, as I know he is quite conversant with the details of education policy and its implementation so far, that children who are in Standard One in 1970 will do all subjects, including Science and Mathematics, in Bahasa Malaysia, and when they get to Form Five in 1980, these pupils will sit for the Sijil Pelajaran Malaysia in all subjects, including Science and Mathematics, in Bahasa Malaysia. These children will do all subjects, including Science and Mathematics, in both the Lower and Upper Form Six in Bahasa Malaysia and will sit for the Higher School Certificate Examination in Bahasa Malaysia in all subjects, including Science and Mathematics, in 1982. Thus, Sir, beginning with the year 1983, all students in all our universities will do all the courses, including Science and Mathematics, in Bahasa Malaysia. Sir, all our universities are being requested to make preparations accordingly from now on.

I would like to refer to the observations made by the Honourable Member for Segamat Utara. Now, he touched on certain provisions of the Emergency Ordinance, No. 74 of 1971, particularly with regard to students organisations and their inability according to the Ordinance to affiliate themselves to other student bodies, national student bodies. I have gone through the Ordinance very carefully, and I can assure the Honourable Member that we will make some amendments to conform to the wishes and the points brought up by the student bodies and the Bill will be before this House in due course.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu menhadangkan sa-malam dalam ucapan-nya ia-itu pelajaran ajaran ugama di-sekolah² hendaklah di-perbaiki lagi. Saya sendiri akan mengkaji masaalah ini, tetapi berkenaan dengan sekolah menengah, berkenaan dengan sekolah rendah dalam pelajaran ugama saya tidak ada kuasa oleh kerana pengajaran ugama dan guru² kerana sekolah² rendah ialah di-dalam tanggungan dan pentadbiran negeri masing².

Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu juga menhadangkan supaya budak² yang bukan beragama Islam di-ajar ajaran agama Islam di-sekolah², ini molek pandangan-nya, tetapi nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu lupa kandungan yang ada di-dalam Perlembagaan kita yang mengatakan dalam Fasal 12 pechahan (3) yang berbunyi demikian:

“Tiada sa-siapa pun boleh di-wajibkan menerima ajaran² mengenai apa² agama pun atau mengambil bahagian dalam apa² upacara atau sembahyang sa-suatu agama yang lain, yang lain daripada agama-nya sendiri.”.

Jadi nampak-nya, Dato' Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu itu tidak ingatkan kandungan Perlembagaan kita berkenaan dengan masaalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, lain² tegoran ia-lah daripada Ahli² Yang Berhormat daripada Malaysia Timor.

Sir, while the Education Ministry will do all it can to assist in every possible way these States, it is to some extent prevented from doing so owing to the provisions in the Inter-Governmental Committee Agreement. I hope these States will take the initiative, and I will gladly, Sir, respond. Thank you.

Menteri Muda Pertahanan (Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang hendak memanjangkan sangat ucapan saya untuk menjawab mana² yang telah di-kemukakan dalam Majlis ini, oleh sebab saya nampak tidak-lah begitu kesulitan yang telah di-kemukakan atau pun complaints yang di-buat dalam Majlis ini kepada Kementerian saya, dan saya rasa Kementerian saya telah beres sedikit-lah daripada Kementerian yang lain, tetapi yang tidak beres hanya dari segi kewangan sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Saperti yang telah di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam yang telah mengatakan berthabit dengan alatan² peperangan yang patut di-bekalkan kepada tentera kita. Beliau telah berkata yang saya suka sedikit sa-banyak menguchapkan apa yang telah di-katakan, dia telah berkata, bahawa dasar saperti ini ia-lah di-kehendaki oleh negara kita dan untuk menguatkan lagi pertahanan dari ancaman luar. Yang Berhormat itu telah menyokong supaya kapal terbang jenis “all weather fighter

bomber” patut-lah di-bekalkan kepada T.U.D.M. dan kapal yang lebeh moden dan laju di-bekalkan kepada T.L.D.M.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri suka-lah sangat hendak membekalkan perkara², alatan² saperti yang telah di-chadangkan oleh Yang Berhormat itu. Perkara² yang sa-macam ini ada-lah sangat mahal harga-nya dan kita hanya mesti-lah buat kan chara² perbelanjaan kita hendak membeli alatan² ini chara memberi priority atau keutamaan kepada apa-kah alatan² yang patut kita beli. Maka dengan itu, saya suka memberi perhatian pada tahun ini Perbelanjaan Estimates kita untuk Kementerian Pertahanan hampir² \$700 juta baik di-dalam Development Estimates mahu pun dalam Estimates Biasa. Maka di-dalam Estimates ini banyak-lah patut yang kita hendak membeli alatan² baharu. Saya berharap pada masa yang akan datang perkara² yang di-chadangkan oleh Yang Berhormat itu kita akan boleh mendapatkan, tetapi pada masa sekarang ini, saya suka menerangkan, ia-itu kita mesti-lah mengkaji kedudukan kita, kedudukan negara kita ada-kah sesuai dan juga jikalau sudah sesuai dan masa sudah sampai dan wang pun ada, Tuan Yang di-Pertua, maka terpaksa-lah kita akan memberi. Sama juga di-dalam perchakapan, atau pun ucapan yang di-beri oleh Yang Berhormat dari Krian Darat dan juga Melaka Selatan sama juga tujuan yang di-perkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam supaya tentera kita patut di-alatkan dengan alatan yang baharu. Bagitu juga-lah jawapan saya, ia-itu kita mesti menimbangkan kedudukan ini dan mesti-lah kita mengingatkan chara² kita hendak membesarkan Angkatan Tentera kita supaya bukan-lah sahaja kita mendapat alatan yang moden sahaja, tetapi experience pun, pengalaman pun sangat-lah mustahak juga, maka dengan itu chara² kita memberi latehan untuk membesarkan yang mana angkatan tentera kita pada masa sekarang ini maseh di-dalam pembesaran supaya kita boleh menahankan negara kita dengan chara² kita saperti negara kecil, saya perchaya yang kita sesuai dengan negara kecil itu. Oleh sebab dalam masa yang lepas ini Kerajaan British telah pun mengishtiharkan ia-itu Timor Suez ia akan mengeluarkan tentera British itu, maka terpaksa-lah negara kita yang sa-bagai kecil ini menyediakan persiapan untuk menjaga keselamatan negara kita dengan sa-berapa yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang telah di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor berthabit dengan welfare atau pun gaji² di-atas Angkatan Tentera. Dalam soal welfare Kementerian saya telah pun mengkaji kedudukan ini dan telah membuat beberapa keputusan untuk memberikan kerjasama sa-lepas daripada tiap² sa-orang askar bersara daripada tentera di-berikan pertolongan untuk mendapat kerja² kapada mereka ini. Dan saya suka memberi perhatian satu circular yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan ia-itu nama-nya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 tahun 1969. Di-situ surat satu arahan ini telah pun di-beri kapada semua Jabatan mengarahkan dengan memberikan keutamaan kapada bekas Angkatan Tentera memberikan pekerjaan dalam saperti pekerjaan ahli bomba, atendan arkib, atendan haiwan, atendan kolam ikan, atendan rumah sakit, buroh, derebar kereta, lori dan van, juru gegas, juru kawalan keselamatan, penjaga hutan, penembak anjing, penunggu wadar penjara. Semua ini ada-lah arahan yang telah di-buat oleh pihak Kerajaan yang saya sifatkan Kerajaan bertanggung-jawab untuk memberi kesenangan kapada bekas² tentera supaya mereka ini dapat satu pekerjaan yang baik sa-lepas daripada mereka itu menunaikan suatu tugas kapada negara kita sa-bagai askar. Dan juga pihak Kerajaan ada juga memberi kerjasama kapada Kementerian saya di-atas memberi sedikit sa-banyak nasihat kapada Persekutuan Bekas Tentera dengan jalan sedikit sa-banyak nasihat atau pun wang juga kapada mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam segi welfare ini kita ada juga memberi satu kajian—maseh lagi dalam kajian—tidak boleh saya buat keputusan lagi, oleh sebab jawatankuasa ini maseh mengkaji. Chara mana-kah supaya mereka ini apabila maseh dalam tentera dapat satu pengalaman teknikal supaya apabila mereka itu keluar daripada pekerjaan sa-lepas perkhidmatan mereka sa-bagai tentera dapat-lah pekerjaan di-pasaran² private enterprise supaya mereka itu di-kehendaki oleh pihak² commercial firms. Maka dengan itu-lah saya sukachita memberi sedikit laporan kapada Ahli² Yang Berhormat yang kita dengan kuat dan giat untuk menolong bekas² tentera itu untuk mendapatkan mereka itu satu taraf hidup yang baik sa-lepas daripada mereka telah bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga membuat sedikit sa-banyak yang mana yang telah di-tegor oleh beberapa orang Ahli²

Yang Berhormat di-sini atas gaji askar, saya suka-lah mengumumkan di-sini ia-itu kita telah buat kajian, dan tingkatan gaji telah pun di-revise, exercise telah di-buat dan ini telah di-laksanakan daripada tahun 1968 pada bulan Ogos pelaksanaan revise exercise gaji yang baharu itu.

Dan juga saya suka memberikan penerangan, Kerajaan dari segi pension and other benefits kapada askar²—tentera telah pun mendapat keputusan daripada Kerajaan untuk melaksanakan dan exercise ini, revision pension ini telah pun maseh dalam pelaksanaan di-dalam Kementerian kita kapada orang² yang dapat penchen pada masa yang akan datang. Dan saya suka sebutkan ia-itu yang sangat mustahak exercise pension and other benefits ini boleh di-katakan guaranteed pension sa-lama dua belas tahun sa-tengah kapada mereka itu.

Dato' Yang di-Pertua, itu-lah saya rasa penjelasan saya yang mana telah pun di-buatkan tegoran² daripada Ahli² Yang Berhormat berthabit dengan Kementerian Pertahanan, terima kaseh.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab tegoran² yang di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat dari Seberang Selatan dan Dato Kramat.

Ahli Yang Berhormat dari Seberang Selatan dalam ucapan-nya telah menyatakan di-antara yang lain² ia-itu bantuan 'am yang di-berikan berbeza dari \$5 ka \$15 sa-bulan tidak menchukupi. Oleh yang demikian, Kerajaan patut mengkaji sa-mula sekim itu. Beliau mengeshorkan ia-itu bantuan kebajikan termasuk elaun keluarga patut di-chantumkan dengan Sekim Keselamatan Sosial berasaskan kapada index sara hidup sa-bagai satu jalan untuk membahagi²kan kekayaan negara.

Ahli Yang Berhormat itu tidak shak lagi mengetahui ia-itu bantuan 'am ia-lah satu tanggung-jawab Kerajaan Negeri dan bantuan yang di-beri berbeza dari negeri ka-negeri dengan minima \$15 ka-maksima \$75 bergantung kapada kedudukan peruntukan yang di-adakan di-negeri² ini untuk pelaksanaan sekim itu. Sunggoh pun demikian sayugia saya nyatakan di-sini ia-itu sa-lain daripada bantuan² tersebut negeri² juga memberi bantuan persekolahan untuk membeli buku dan pakaian seragam dan bagi membayar perbelanjaan perjalanan ka-sekolah, dan ini juga

berbeza dari satu negeri ka-satu negeri dan minima kadar bantuan di-beri ia-lah \$15 dan maksima-nya berjumlah \$40 bagi tiap² kanak² sa-bulan. Bantuan ini di-tokok lagi dengan bantuan pelancharan untuk melancharkan keluarga² yang berkeperluan di-dalam kerja persendirian dan juga sekim² latehan vokeshenal kapada orang² berkeperluan dengan memberikan mereka kemahiran² yang diperlukan untuk maksud pekerjaan supaya mereka itu boleh mendapat sara hidup yang memadai dan menjadi ra'ayat yang berguna.

Kerajaan Pusat juga menambah rancangan² Negeri dengan mengadakan elauin Boarding Out kapada keluarga² besar yang memerlukan bantuan supaya mereka dapat memberi jagaan yang sempurna kapada anak²-nya.

Bantuan yang di-beri kapada mereka yang layak menerima-nya ia-lah sa-kurang²-nya \$10 dan maksima \$25 sa-orang sa-bulan, termasuk-lah juga bayaran persekolahan kapada mereka yang memerlukan-nya. Sa-bagai tambahan Kerajaan Pusat juga menyediakan yayasan² untuk orang² tua yang memerlukan jagaan dan tempat tinggal yang mana sa-benar-nya ia-lah satu chara bantuan 'am.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat di-dalam ucapan-nya kelmarin menudoh ia-itu dengan ada-nya amaran chuacha oleh Perkhidmatan Kaji Chuacha, pehak² yang bertanggung-jawab bagi memindahkan mangsa² banjir boleh mengelakkan kurang bilangan kematian dan kehilangan harta benda, sa-kira-nya mereka menjalankan tugas² mereka dengan chergas dan pantas.

Yang Berhormat itu juga membayangkan di-dalam ucapan-nya, ia-itu kegagalan pehak² yang bertanggung-jawab pada menjalankan pemindahan dengan serta-merta dan menyebabkan berlaku-nya kehilangan nyawa di-kawasan Jalan Klang.

Barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak tahu bahawa Perkhidmatan² Kaji Chuacha tidak boleh meramalkan banjir, tetapi chuma boleh memberi penerangan mengenai keadaan² chuacha yang sama ada boleh atau tidak boleh menyebabkan banjir. Saya mengaku bahawa banjir di-Kuala Lumpur tidak sama sa-kali di-sangka² tetapi walau bagaimana pun saya mesti-lah menyatakan dengan tidak ragu² bahawa tidak ada kematian di-kawasan Kuala Lumpur atau di-mana² tempat di-negeri ini oleh kerana Kerajaan

tidak menjalankan pemindahan. Kematian² yang telah berlaku ia-lah kerana kesalahan orang² itu sendiri yang lain-nya ia-lah kematian yang di-alami oleh pehak polis sendiri sa-waktu bertugas. Kematian yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat di-kawasan Jalan Klang ia-lah oleh kerana sa-orang pemuda itu telah chuba menyelamatkan barang²-nya dengan tidak menghiraukan nasehat, begitu juga mengenai sa-orang perempuan China dan anak-nya yang pulang ka-rumah dengan sangkaan bahawa tidak apa² bahaya lagi.

Setiausaha Parlimen kapada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menjawab tegoran² dan shor² berhubung dengan Kementerian Penerangan. Saya juga suka hendak menguchapkan ribuan terima kaseh kapada beberapa orang yang mengemukakan shor² terhadap Kementerian ini, tetapi saya tidak-lah berchadang hendak menjawab satu persatu daripada shor² mereka itu.

Yang pertama, saya suka hendak menjawab wakil dari Miri-Subis yang hendak tahu "term of reference, the Director of Broadcasting, Sarawak". Pengarah Penyiaran Sarawak memang-lah ada menerima arahan dari sa-masa ka-samasa dari Kementerian Penerangan di-Kuala Lumpur. Pada am-nya tugas beliau sa-bagai sa-orang Pengarah alat mass media Kerajaan ia-lah memberikan penerangan sa-luas²-nya tentang dasar Kerajaan supaya message Kerajaan itu bukan sahaja sampai ka-peringkat ra'ayat dari sa-rendah² hingga sa-tinggi² tetapi di-fahami oleh mereka itu. Tidak kurang penting-nya bagi Kementerian ini untuk mengadakan program² supaya kandungan program itu menyatukan ra'ayat ka-arrah yang tertentu dan penting terutama sa-kali matlamat kita ia-itu perpaduan ra'ayat.

Berhubung dengan masalah Berita Radio Malaysia di-Sarawak yang konon-nya berchorak "impartial" maka tudohan itu tidak-lah benar. Memang sudah menjadi dasar Kementerian Penerangan untuk menyampaikan berita² untuk kepentingan negara dan juga perpaduan kaum dengan tidak memikirkan dari mana datang-nya sumber² berita itu asalkan berita² itu benar dan tidak merosakkan perpaduan kaum.

Satu lagi suka saya hendak menyentuh sedikit tegoran daripada Yang Berhormat wakil dari Dato Kramat yang meminta agar

membanyakan program Tamil dan juga berita² Tamil di-T.V. itu di-cheptakan. Yang sa-benar-nya perkara ini telah pun lama di-kemukakan oleh pemimpin² di-Kuala Lumpur termasuk-lah Yang Amat Berbahagia Tun V. T. Sambanthan, dan juga Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam. Di-sini suka-lah saya hendak mengumumkan bahawa perubahan² bukan sahaja dalam program Tamil tetapi juga dalam ruangan² yang lain ada-lah di-perbaiki dan di-majukan dari satu masa ka-satu masa. Susunan program, sa-bagai satu perkara biasa, ada-lah di-tukar dari sa-masa ka-samasa dan tidak tinggal terbuntu sahaja; dan juga perubahan² itu bergantung kepada pengalaman serta shor² yang menasabah dari orang ramai. Mithal-nya beberapa hari yang lalu kita telah memper-baiki lagi siaran Berita Daerah dari Pantai Timor (Kelantan, Trengganu dan Pahang) yang sekarang ini dapat di-dengar di-seluruh tanah ayer. Begitu juga Berita Daerah dari Kuala Lumpur (Selangor dan Negeri Sembilan) sekarang ini dapat di-dengar di-seluruh tanah ayer. Tujuan-nya ia-lah hendak mem-bawa ra'ayat negeri ini lebeh rapat dan mempunyai perasaan persaudaraan dan per-paduan atau pun the feeling of oneness.

Pada malam ini pula, di-waktu ini lebeh kurang pukul 7.00, satu lagi perubahan dalam lapangan berita ini akan di-laksanakan ia-itu Warta Berita dalam bahasa Tamil mene-rusi talivishen tidak-lah di-siarkan pada pukul 10.00 malam tetapi di-siarkan pada pukul 7.00 malam ia-itu di-waktu ini; dan sa-balek-nya pula Warta Berita Inggeris, yang dahulu-nya di-siarkan pada pukul 7.00 malam, mulai malam ini di-tukar kepada pukul 10.00 malam.

Perubahan ini bukan-lah kita hendak meng-adakan diskriminasi terhadap warta berita Inggeris tetapi ia-lah memandangkan bahawa pendengar² daripada orang Malaysia ketu-runan Tamil di-estet², di-kampong² dan juga kaum buroh dan juga tempat² yang jauh ka-dalam, tidak mungkin dapat mendengar warta berita Tamil pada pukul 10.00 malam kerana mereka chepat tidor (*Ketawa*). Tetapi sa-balek-nya pula orang yang faham dalam bahasa Inggeris ini, "English-speaking people", kebanyakan-nya dia lambat tidor (*Ketawa*). Jadi kita tukarkan warta berita Tamil daripada pukul 10.00 malam kepada pukul 7.00 malam kerana mereka ini chepat tidor dan dapat dengar awal

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sudah tahu tadi, sudah chukup sa-kali sudah-lah (*Ketawa*).

Tuan Shariff Ahmad: Fasal banyak yang memandang, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi begitu-lah rengkas-nya.

Tetapi satu perkara yang suka saya hendak ingatan pada Ahli Yang Berhormat itu bahawa pertukaran siaran Berita Tamil ini bukan-lah hasil daripada desakan beliau itu tetapi ada-lah satu daripada susunan sa-mula rancangan yang telah di-buat terlebih dahulu.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, suka saya hendak mengatakan bahawa Kementerian Penerangan sekarang ini sedang menyusun dengan rapi-nya program², sama ada di-radio atau di-talivishen, untuk men-sesuaikan dengan imej baharu Kerajaan kita di-bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baharu ia-itu Tun Abdul Razak. Terima kaseh.

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memberi sedikit penjelasan tentang perkara² yang telah di-timbulkan dalam perbahathan di-dalam Dewan ini terhadap Kementerian Dalam Negeri.

Pertama sa-kali saya suka memberi penjelasan berkenaan dengan tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat berkenaan dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Dia telah menudoh bahawa Akta ini telah menjadi sa-bagai serious threat kepada Parti Pembangkang dan orang² yang mengkritik Kerajaan kerana Akta tersebut memberi kuasa untuk arbitrary detention without trial. Tuduhan tersebut sangat-lah liar dan tidak benar sama sa-kali.

Jika tujuan Kerajaan bertujuan menyalah-gunakan Undang² tersebut untuk menahan Parti Pembangkang dengan sewenang²-nya, maka Ahli² Pembangkang yang lebeh terkemuka terutama sa-kali mereka yang selalu mengkritik Kerajaan tentu-lah tidak akan ada di-sini pada hari ini, harus mereka ber-ada di-tempat² tahanan. Saya suka menegaskan bahawa orang² yang di-tahan di-bawah Akta tersebut bukan-lah kerana keperchayaan atau sokongan mereka terhadap mana² parti politik yang halal di-negeri ini, tetapi ada-lah kerana kegiatan² mereka untuk hendak menjatohkan Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat dengan sa-chara kekerasan atau dengan tidak mengikut Perlembagaan.

Mengenai tuduhan menyatakan ada layanan burok di-tempat² tahanan, ini ada-lah tidak benar. Makanan² yang di-beri kepada orang² tahanan ada-lah chukup dan kemudahan² yang sesuai di-adakan. Saperti permainan², beberapa macham permainan saperti basket-ball, ping pong, badminton juga pertunjukan wayang gambar sentiasa di-adakan, surat akhbar, majallah² ada-lah di-beri kepada mereka, khutub khanah pun ada di-sediakan. Jika ada layanan yang burok yang tertentu ia-itu specific cases of ill treatment, sukachita-lah Kementerian saya menerima apa² aduan daripada Ahli² Yang Berhormat. Untuk membuktikan kezaliman Kerajaan menahan orang² dengan tiada membawa ka-Mahkamah, Ahli Yang Berhormat itu menyebut tiga orang tahanan, ia-itu Enche' Tan Kai Hee, Karam Singh dan Pang Lee Sang.

Untuk ma'aluman Dewan yang mulia ini mereka ketiga di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ketiga² case yang berkenaan telah beberapa kali di-kaji oleh Lembaga Penasihat, tetapi sa-telah Kementerian ini mengkaji shor² Lembaga tersebut, Kementerian ini berpendapat bahawa pembebasan mereka akan menjadi anchaman kepada keselamatan negara kita. Oleh kerana itu tahanan mereka terpaksa di-lanjutkan. Dengan yang demikian tidak ada perlu-nya di-adakan penyiasatan 'am, ia-itu public enquiry saperti yang di-minta oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat telah bertanya, mengapa surat² khabar *Singapore Herald* dan *Eastern Sun* tidak di-benarkan di-jual di-negeri ini.

Kedudukan yang sa-benar-nya ia-lah bahawa surat² khabar hanya boleh di-edar, atau di-jual di-dalam negara kita, jika surat khabar yang berkenaan itu di-chetak dan di-terbitkan di-dalam negeri ini. Tujuan Kerajaan mengenakan sharat tersebut ia-lah supaya memberi peluang pekerjaan kepada orang² tempatan.

Surat khabar *Eastern Sun* telah pun di-beri peluang untuk mematohi sharat ini, tetapi malang-nya pehak surat khabar tersebut tidak dapat memenohi sharat yang di-kehendaki dan oleh yang demikian surat khabar itu tidak di-benarkan di-edar, atau pun di-jual di-negeri ini.

Mengenai *Singapore Herald* pula, Kementerian ini belum menerima sa-barang permohonan dari pehak surat khabar itu untuk

mengedar surat² khabar mereka di-negeri ini. Jika sa-kira-nya surat khabar tersebut itu sanggup mematohi sharat yang tersebut, maka Kementerian ini akan menimbangkan permohonan-nya.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyoal mengapa *Times* dan *Newsweek* di-benarkan di-jual di-negeri ini. *Times* dan *Newsweek* bukan-lah surat² khabar biasa, tetapi ada-lah majallah² dan peredaran-nya ada-lah terhad sahaja. Oleh itu, jika majallah² tersebut itu di-kenakan sharat supaya di-chetak dan di-terbitkan di-negeri ini, maka tidak-lah ada majallah² luar negeri dapat masok ka-negeri ini. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tidak ingin keadaan yang sa-macham itu berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga dalam perbahathan-nya telah menudoh pehak Badan Penchegah Rasuah bertindak sa-chara berat sa-belah, chuma terhadap ikan² kecil dan melepaskan ikan² besar.

Ahli Yang Berhormat itu juga menchadangkan supaya Swiss Bank dan bank² lain di-pereksa sebab di-katakan ada Ahli² Yang Berhormat yang menyimpan wang di-bank luar negeri untuk merahsiakan perbuatan rasuah mereka yang mereka telah lakukan. Saya menafikan tuduhan ini dan menjelaskan di-sini ada pun kedudukan yang sa-benar-nya ia-lah Badan Penchegah Rasuah tiada membedza²kan sama ada ikan besar, atau pun ikan kecil.

Badan itu akan bertindak dengan sama rata, tetapi sa-belum tindakan di-ambil bukti² di-kehendaki, bukan hanya tohmahan sa-bagai kita biasa mengetahui yang kebanyakan-nya yang di-dengar ia-lah tohmahan yang melulu sahaja. Keterangan dan bukti yang ada pada sa-siapa itu hendak-lah di-laporkan kepada Badan Penchegah Rasuah supaya Badan itu dapat menjalankan penyiasatan dan sa-kira-nya chukup keterangan² Badan itu akan membawa Ka-Mahkamah.

Badan Penchegah Rasuah tiada mengetahui tentang ada-nya di-antara Ahli² Dewan ini yang menyimpan wang di-Swiss Bank. Sayugia di-ma'alumkan Badan Penchegah Rasuah tiada berkuasa menjalankan penyiasatan ka-atas sa-suatu bank yang di-luar negeri, akan tetapi jika Ahli Yang Berhormat ini ada mempunyai ma'aluman yang menunjukkan sa-saorang yang di-tomoh melakukan perbuatan rasuah dan telah menghantar wang

melalui bank tempatan untuk simpanan di-Swiss Bank, boleh-lah Ahli Yang Berhormat itu beritahu kepada Badan Penchegah Rasuah untuk menjalankan penyiasatan.

Sa-masa membahathkan Titah Uchapan di-Raja ini Ahli Yang Berhormat dari Dato Kramat juga telah menhadangkan supaya integrated housing scheme di-adakan. Beliau menda'awa 10 tahun dahulu beliau telah membuat chadangan itu. Elok-lah di-tegaskan di-sini bahawa pembahagian rumah² dalam Negeri² itu ada-lah tanggong-jawab Kerajaan Negeri masing², tetapi mereka di-kehendaki mematohi arahan² Kementerian tentang peratoran² pembahagian rumah² itu sa-kira-nya ranchangan² itu di-biayai oleh wang pinjaman Kerajaan Persekutuan. Untuk menghasilkan penyatuan kaum, maka rumah² itu di-bahagi²kan berasaskan kepada quota bagi tiap² kaum, sa-imbang dengan jumlah pemohon² yang berkelayakan yang di-terima daripada tiap² kaum.

Sa-takat yang di-sedari oleh Kementerian ini pehak Kerajaan² Negeri telah mematohi arahan² oleh Kementerian ini, berkaitan dengan peratoran pembahagian rumah² murah dan semua kaum tinggal di-dalam keharmonian di-ranchangan rumah² murah di-seluruh negeri ini. Kechuali bagi ranchangan² rumah murah yang di-bena di-atas Simpanan Khas Orang Melayu atau tanah² wakaf, ini chuma penduduk²-nya yang akan di-untukkan kepada orang² Melayu sahaja. Sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu dapat menyatakan ranchangan² yang tertentu di-mana terdapat pembahagian rumah² itu tidak di-buka kepada semua kaum, maka saya menhadangkan agar beliau merujukkan perkara² tersebut kepada Kementerian ini, atau pun kepada Kerajaan² Negeri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjelaskan satu perkara yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, harap ma'af, Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat Menteri Buroh, maka saya tidak perlu lagi menjawab-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menyeru supaya dibatalkan sekatan perjalanan terhadap ra'ayat² Malaysia ka-negeri China untuk perubatan dan melawat saudara-mara mereka di-sana. Sa-benar-nya tidak di-tegah 100 peratus orang² China pergi melawat ka-negeri China untuk maksud perubatan atau pun untuk melawat saudara-mara mereka.

Berhubung dengan perubatan, pertim-bangan akan di-beri sa-kira-nya pemohon itu dapat mengemukakan akuan bertulis daripada sa-orang doktor Kerajaan yang menyatakan bahawa penyakit-nya itu ada-lah tidak boleh semboh atau pun incurable dan tidak ada kemudahan² di-negeri ini untuk mengubati penyakit itu, tetapi ada kemungkinan penyakit itu dapat di-ubati di-negeri China.

Berhubung dengan melawat saudara-mara juga Kerajaan membenarkan orang² China menziarahi saudara-mara mereka yang rapat saperti ibu bapa, adek-beradek, isteri dan anak mereka, dengan ada beberapa syarat.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Ipoh ada menyatakan bahawa pehak Polis suka sangat memukul orang² yang di-tahan sa-masa penyiasatan. Ia menyatakan kejadian pukul-memukul ia-itu assault oleh pehak Polis ada-lah bertambah dan dia sanggup mengemukakan bukti² mengenai perkara ini jika ada penyiasatan. Saya hairan Ahli Yang Berhormat itu ada-lah sa-orang peguam, dan tahu undang². Sudah ada undang², sa-kira-nya pehak Polis membuat kelakuan yang sa-macam itu, maka orang yang kena pukul boleh membuat report di-mana² Balai Polis sahaja. Dan penyiasatan akan di-jalankan dan sa-kira-nya ada bukti, maka pegawai polis tersebut akan di-bawa ka-mahkamah. Semua Ahli² dalam Dewan ini telah mengetahui beberapa orang pegawai polis baik pegawai pangkat tinggi atau rendah telah pun di-bawa ka-mahkamah di-atas tuduhan menchedera atau pun memukul orang². Jadi kalau-lah Ahli Yang Berhormat ini ada keterangan yang sa-macam itu patut-lah Ahli Yang Berhormat ini-lah mula² sa-kali pergi ka-mana² Balai Polis untuk membuat aduan supaya penyiasatan boleh di-jalankan, dan saya perchaya pehak yang berkenaan atau yang berkuasa akan menghargai apa² keterangan yang beliau dapat menolong penyiasatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekian-lah penjelasan² yang pehak Kementerian saya dapat berikan kepada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Sa-belum saya bertanya kepada Ahli² Yang Berhormat, suka saya hendak mengambil tahu kalau ada lagi Ahli² yang di-luar boleh masuk ka-dalam Dewan untuk mengambil keputusan, berkenaan dengan Titah Uchapan di-Raja ini. Sila bunyikan locheng. (*Locheng di-bunyikan*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak saperti-nya di-persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyi-nya :

“Ampun Tuanku,

Patek, Yang di-Pertua dan Ahli² Dewan Ra'ayat Malaysia di-dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan

Ra'ayat menguchapkan berbanyak² shukor dan terima kaseh kepada Kebawah Duli kerana Titah Uchapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga.”

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang hari Ithnin, 15hb Mach, 1971.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 7.25 malam.